

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM KULIAH
AGAMA
DI MASJID DALAM DAERAH KUALA TERENGGANU**

MOHD BIN ABDULLAH

OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

2020

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM KULIAH
AGAMA DI MASJID DALAM DAERAH KUALA TERENGGANU**

MOHD BIN ABDULLAH

**Kertas Projek yang dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
Keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda dalam bidang
Pengajian Islam**

**Kluster Pendidikan dan Sains Sosial
Open University Malaysia**

JANUARI 2020

OPEN UNIVERSITI MALAYSIA

2020

PERAKUAN KEASLIAN

Nama : MOHD BIN ABDULLAH

No Matriks :

Saya dengan ini memperakui bahawa Kertas Projek ini ialah hasil kerja saya sendiri,kecuali untuk petikan dan ringkasan yang telah diperakui.

(MOHD BIN ABDULLAH)

Tarikh: Januari 2020

Tandatangan Pelajar.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana memberi kekuatan untuk menyiapkan Laporan Kertas Projek ini pada masa yang telah ditetapkan. Terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Hanafi Bin Mamat Pengurus Pusat pengajian OUM Terengganu yang banyak memberi nasihat tentang perjalanan kertas projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Aman Daima bin Md. Zain Pensyarah di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA selaku penyelia kertas projek ini kerana banyak memberi tunjukajar kepada saya untuk menyiapkan kertas projek ini. Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya Dr. Zamri bin Abdullah yang banyak memberi panduan untuk memilih bahan petikan dan rujukan bagi kertas projek ini.. Seterusnya saya ucapkan terima kasih juga kepada sahabat saya En Salleh bin Abdul Ghani yang juga banyak memberi nasihat untuk memilih bahan-bahan petikan bagi menyiapkan kertas projek ini. Akhir sekali saya ucapkan berbilang terima kasih kepada semua responden serta semua yang terlibat untuk menyempurnakan kertas projek ini sama ada secara langsung dan tidak langsung.

KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM KULIAH AGAMA DI MASJID DALAM DAERAH KUALA TERENGGANU

MOHD BIN ABSULLAH

JANUARI 2020

ABSTRAK

Kaedah penyampaian ilmu berubah dari semasa ke semasa mengikut zaman. Pada zaman mutakhir ini setelah berlakunya perkembangan yang drastik dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, (ICT) perubahan yang drastik juga turut berlaku dalam bidang pendidikan. Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi banyak mempengaruhi teknik penyampaian ilmu di semua premis pendidikan termasuklah masjid serta surau dan seumpamanya. Penggunaan peralatan TMK (ICT) banyak membantu para guru atau *muallim* dalam penyampaian ilmu kepada anak didik dan juga masyarakat. Pada masa dahulu para guru dan ustaz terpaksa memikul alat bantu mengajar untuk mengajar anak didik di premis masing-masing dan para *muallim* hanya menggunakan kapur dan percakapan sahaja atau kaedah tradisional ini disebut sebagai “*chalk and talk*” dan tentu sekali agak membosankan. Pada zaman ini para guru hanya membawa peralatan TMK (ICT) yang dikenali sebagai “*pendrive*” sebesar ibu jari untuk dibawa ke kelas. Semua bahan pengajaran yang diajar pada hari itu boleh disimpan dan dieksekusi semula melalui komputer riba atau “*laptop*” dan dipancarkan ke atas skrin melalui projektor LCD. Kaedah pengajaran ini lebih berkesan jika dibandingkan dengan kaedah tradisional “*Chalk and talk*”. Dengan menggunakan peralatan ICT pengajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan kerana peralatan ini dapat merangsangkan deria dan minda pelajar secara berterusan sepanjang pengajaran berlangsung. Senario pembelajaran seperti ini turut dialami oleh komuniti masjid dalam menimba ilmu di masjid yang merupakan premis pembelajaran sepanjang hayat. Melalui kajian ini pihak pengkaji memberi tumpuan sepenuhnya kepada komuniti masjid daripada lima buah masjid dalam daerah Kuala Terengganu iaitu Masjid Zainal Abidin, Masjid Al Muktafibilah, Masjid Al Tohiri Gelugor, Masjid Al Mutaqim dan Masjid Tok Jamal. Objektif kajian ini ialah untuk membuktikan keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah agama di masjid-masjid kajian. Jumlah responden untuk kajian ini ialah seramai 50 orang iaitu terdiri daripada 10 orang responden bagi setiap masjid kajian. Pengkaji memilih kaedah kajian kualitatif untuk kajian ini kerana maklumat yang diperolehi lebih tepat dan sahih. Adalah diharapkan bahawa dapatan kajian ini dapat menokok tambah dapatan yang telah disumbangkan oleh ramai pengkaji yang terdahulu dalam berbagai aspek lain. Pengkaji juga berharap dapatan kajian ini akan digunakan sebagai maklumat asas oleh pengkaji lain untuk melanjutkan kajian mereka pada masa hadapan. Daripada hasil penemuan kajian ini pengkaji mendapati bahawa penggunaan ICT dalam kuliah agama di lima buah masjid yang dipilih untuk kajian ini terbukti mendatangkan kesan yang positif kepada komuniti masjid.

ABSTRACT

The method of knowledge transmission has changed overtime in recent years after the explosion of information and communication technology (ICT). The drastic change has also occurred in the field of education. The changes in the field of information and communication technology occurred has triggered the drastic change in the field of education today. These changes can be seen obviously in knowledge based premises such as schools and universities through out the world including the mosques. The use of ICT appliances makes the teachers or *muallim* to perform their duties with convenience in their own premises. In the past the teachers had to carry bulk of teaching aids to their classes to perform their duties. But nowadays they only bring a small pendrive or thumb drive to their classes. The teaching materials are stored in the pendrive and can be easily accessed whenever required. The teaching materials can be easily projected on a white screen with the help of laptops, and LCD projectors. Previously the teachers only carried out their duties by improvising the traditional method of teaching which is known as “Chalk and talk” technique which is surely inefficient and boring. The paradigm shift that occurred in the field of education brings a vast renovation to the technique of teaching. The implementation of this new technology in conveying the knowledge to the students has proven to be the efficient method of teaching because through this technique the mind and senses of the students are stimulated through out the learning proses. Such a scenario is also experienced by the mosque communities while learning religious knowledge. The paradigm shift that had occurred in other knowledge based premises such as schools and higher learning institutions should be shared by the mosques since the mosques act as lifelong learning destinations for all walks of life. The objective of this research is to prove that the effectiveness of the use of ICT in delivering religious knowledge to the communities of the selected mosques in the district of Kuala Terengganu, that is Masjid Zainal Abidin, Masjid Al Muktafibilah, Masjid Al Tohiri Gelugor, Masjid Al Mutaqim and Masjid Tok Jamal. Through this research the researcher gave full focus to the respondents from these selected mosques. The researcher had selected 50 respondents that is 10 respondents from each selected mosque to collect information and data. The research was carried out by using qualitative techniques that is by interviewing and observing the respondents to collect information and data. With confidence the researcher selected qualitative method because he believed that the information and data obtained are accurate and authentic. It is hoped that the findings of this research will emerge as an additional information to the existing findings contributed by the previous researchers. In addition to that this findings will be used as a basic information for further researches in the related field in future. Finally, based on the findings of this research, the researcher could confirm that the use of ICT in the transmission of the religious knowledge could contribute positive effects on the mosque communities.

KANDUNGAN

TOPIK	Muka surat
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan masalah Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Kesimpulan	9
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian Literatur	10
2.2.1 Pedagogi dalam Pendidikan	11
2.2.2 Sistem Pendidikan	13
(a) Pembelajaran Konvensional	13
(b) Pembelajaran Elektronik (ICT)	13
2.2.3 Pendidikan Abad ke 21AB	14
2.2.4 Mobile Learning(M-Mobile)	15
2.3 Kesimpulan	18
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	19
3.2 Reka bentuk kajian	19
3.3 Pemilihan sampel	22
3.4 Jumlah Responden Kajian	22
3.5 Pengumpulan Data	23
3.6 Kerangka Konsep Kajian	28
3.7 Kepentingan Kajian	30

3.8	Skop kajian	31
3.9	Kesimpulan	31
BAB 4	HASIL PENEMUAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	32
4.2	Demografi Responden	33
4.3	Hasil Pemerhatian pengkaji	36
4.4	Hasil Temu bual Pengkaji Dengan Responden	37
4.5	Gambaran Tentang Transkrip	39
4.6	Analisis Transkrip Temubual	40
	4.6.1 Metode Perbualan	40
	4.6.2 Metode Pertuturan	40
4.7	Analisis Naratif (Narrative Analysis)	44
4.8	Analisis Transkrip Temu bual Responden	44
4.9	Kesimpulan	54
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Cadangan Pengkaji	56
5.3	Kesimpulan	58
RUJUKAN		61
LAMPIRAN A, B, C		64-99
Instrumen Kajian		
(i) Bahagian A Butiran Demografi responden.		
(ii) Bahagian B Soalan temubual dengan hadirin		
(iii) Bahagian C Transkrip Temubual Dengan Responden kuliah agama di masjid-masjid kajian di daerah Kuala Terengganu		
(iv) Gambar foto 5 buah Masjid Kajian dalam Daerah Kuala Terengganu		

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dalam penyelesaian masalah bidang apa sekalipun penyelidikan merupakan satu aspek yang amat penting dan tidak dapat dielakkan. Bagi umat Islam penyelidikan adalah aspek utama yang mesti dilakukan apabila menghadapi sesuatu masalah dalam kehidupan untuk mengetahui punca dan penyelesaian masalah .

Melalui kertas projek ini pengkaji akan membincangkan kajian tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan yang seharusnya diamalkan oleh *muallim* pada zaman ini .

Allah SWT telah memberi panduan berkenaan kaedah yang berkesan untuk pengajaran seperti firman Allah SWT yang bermaksud :

“ Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk. ’

(Surah al Nahli(16):125)

Daripada ayat ini jumhurul ulama’ telah merumuskan bahawa terdapat tiga kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan iaitu kaedah *hikmah* (bijaksana),kaedah nasihat yang baik(*mauizah hasanah*)dan kaedah diskusi (*jidat*)

Berdasarkan ayat di atas memang jelas Allah SWT mendorong *muallim* supaya sentiasa mengkaji untuk mencari jalan dalam penyampaian ilmu dengan cara yang lebih berkesan.

Pendidikan abad ke 21 menyaksikan metodologi baru untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan lebih canggih dan berkesan . Sehubungan dengan ini ICT digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi umat Islam sebenarnya Allah SWT telah memberitahu tentang ilmu asas teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) atau (ICT) melalui banyak ayat al Quran sejak 1441 tahun dahulu . Salah satu ayat tersebut adalah firman Allah yang bermaksud

“ Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya)”

(.surah al A'raf (7):57).

Melalui kertas projek ini pengkaji akan memfokuskan perbincangan ini kepada keberkesanan penggunaan *ICT* di masjid- masjid yang dipilih di daerah Kuala Terengganu dalam penyampaian ilmu agama melalui kuliah maghrib yang lazimnya diadakan di antara solat maghrib dan isyak. Kajian ini sejajar dengan perkembangan *ICT* yang sedang pesat berlaku di seluruh dunia pada hari ini.

Abad ini dikenali sebagai “Era ledakan maklumat” atau dikenali juga sebagai “Era langit terbuka” Ini bererti maklumat boleh didapati dari seluruh dunia dengan pantas tanpa sempadan dengan menggunakan peranti TMK (Teknologi Maklumat Dan komunikasi (TMK) atau lebih dikenali sebagai “ *Information Communication Technology* “(*ICT*). Di Malaysia bidang ini telah lama diperkenalkan. Walau bagaimana pun masih lagi dianggap sebagai satu bidang baru .(Abdul Razak (2000)

Penggunaan *ICT* berlaku dengan amat pesat dan meluas di sesebuah negara dalam pentadbiran negara ,pembangunan ,pendidikan , ekonomi dan sebagainya.Bagi kajian ini pengkaji memberi fokus kepada penggunaan *ICT* (TMK) dalam bidang pendidikan iaitu kajian ke atas keberkesanan penggunaan *ICT* dalam penyampaian kuliah agama di masjid. Sehubungan dengan ini banyak pihak telah pun membuat kajian tentang penggunaan *ICT* di premis- premis pendidikan rasmi seperti sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi.Seperti kajian penggunaan *ICT* oleh guru-guru pelatih di Universiti Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak dan penggunaan *ICT* dalam pengajaran matematik di Universiti Tun Hussin On Batu Pahat, Johor.

Hasil kajian yang mereka telah perolehi tidak syak lagi membuktikan bahawa dengan menggunakan *ICT* dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan lagi mutu dan keberkesanannya jika dibandingkan dengan kaedah konvensional iaitu dengan menggunakan kapur dan papan hitam sahaja(*chalk and talk*). Untuk menuju ke arah kecemerlangan pendidikan para guru dan juga individu yang berkecimpung dalam bidang pendidikan mestilah melakukan anjakan paradigma ke arah penggunaan teknologi baru ini yang banyak mendatangkan manfaat kepada diri sendiri dan para pelajar.

Negara-negara lain baik di barat maupun di timur telah mengorak langkah lebih awal dalam bidang ini.Mereka meraih hasil lebih awal daripada usaha mereka dan menjadi contoh kepada negara-negara lain terutama sekali kepada negara –negara yang sedang membangun seperti negara kita Malaysia.

Sebagai usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan pihak kerajaan telah memperuntukkan kewangan yang besar untuk membangunkan bidang *ICT* dengan kerjasama Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Hingga kini pihak kerajaan telah

mengagihkan komputer riba (*laptop*) dan *note book* kepada para pelajar, guru, sekolah, pusat pengajian tinggi serta masjid di samping peralatan elektronik yang lain .

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi penekanan kepada kepentingan ICT dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah-sekolah dan pust-pusat pengajian tinggi.

Sebagai bukti pihak kerajaan telah memberi penekanan kepada bidang ICT dalam pelaksanaan anjakan ke 7 yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Oleh yang demikian *ICT* sangat penting dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga pendidik untuk melahirkan masyarakat bermaklumat serta berfikiran global (Syuhada dan Mohd Aderi 2016 :Khairun Nisak et .al 2016).

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPM) juga telah menggariskan “pembelajaran dalam talian secara global dalam lonjakan ke 8 sebagai satu usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia setanding dengan negara- negara maju di dunia. Ini menunjukkan bahawa dunia pendidikan seharusnya memanfaatkan bidang *ICT* seluas mungkin.

Pada hari ini proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah , menarik dan berkesan dengan menggunakan komputer *laptop* ,*note book* dan projektor *LCD* yang mempunyai internet untuk mengakses maklumat terkini dari seluruh dunia. Selain daripada itu pihak kerajaan juga telah membina makmal komputer di semua sekolah dan pusat pengajian tinggi sebagai kemudahan untuk menggunakan dan menyimpan peralatan *ICT* dengan lebih sempurna .

Dalam usaha untuk memperluaskan lagi penggunaan peralatan *ICT* para ibu bapa yang berkemampuan juga turut mewujudkan kemudahan penggunaan peralatan *ICT* di rumah

masing-masing dengan melanggan talian internet dan membeli komputer peribadi (*PC*) atau *laptop* untuk anak-anak mereka belajar .

Selain daripada membekal peralatan *ICT* pihak kerajaan juga telah mengadakan kursus literasi komputer kepada tenaga pengajar dan kakitangan kerajaan yang lain sebagai usaha untuk membagunkan tenaga mahir atau modal insan yang celek komputer, dan mampu mengendalikan peralatan *ICT* yang telah dibekalkan itu. Dengan wujudnya bidang *ICT* banyak kerja dapat diselesaikan dengan cepat dan sempurna. Sebagai contoh , para pendidik yang menggunakan peralatan *ICT* dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada hari ini tidak lagi bersusah payah memikul alat bantu mengajar tradisional yang membebankan ke bilik darjah kerana semua bahan bantu mengajar termasuklah buku teks telah disimpan di dalam sebuah alat kecil sebesar ibu jari yang dipanggil "*pendrive*". Seorang guru yang celek digital mampu menggunakan aplikasi komputer seperti *mikrosoft power point ,mikrosoft excel, Yahoo Mesenger, google, face book ,instagram, youtube* dan banyak lagi untuk mencari maklumat serta berkomunikasi.

Di bilik darjah atau di makmal komputer para guru hanya menayangkan kandungan "*pendrive*" tersebut melalui projektor *LCD* untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih sempurna jika dibandingkan dengan kaedah konvensional yang sudah dianggap sebagai ketinggalan zaman .

Selain daripada itu para pendidik juga biasanya menggunakan *CD –ROM (Read Only Memory)* atau ingatan baca sahaja iaitu salah satu media yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Alat tersebut boleh menggantikan buku teks ,tambahan pula dapat menyimpan banyak maklumat. Kelebihannya pula saiznya kecil itu mudah disimpan dan dibawa kemana-mana. Biasanya untuk pengajaran dan pembelajaran

kandungannya terdiri daripada gabungan teks, grafik, audio, video dan animasi yang lebih menarik serta memudahkan pemahaman sesuatu konsep.

(Ismail Zain 2003).

Oleh kerana itu sudah sampai masanya kaedah penyampaian kuliah di masjid juga seharusnya berubah seiring dengan perkembangan yang berlaku di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Perkongsian ini harus berlaku di masjid dan surau kerana ianya merupakan tempat ahli masyarakat mendapatkan pendidikan agama sepanjang hayat. Adalah diharapkan dengan berlakunya perubahan ini para ustaz yang menyampaikan kuliah agama tidak lagi menggunakan kaedah lama yang ternyata membosankan dan kurang berkesan. Indikatornya yang biasa di perhatikan ialah ramai hadirin yang mendengar kuliah tanpa mengguna peralatan *ICT* biasanya tertidur terutama sekali semasa mendengar khutbah jumaat. Di antara *website* yang paling popular digunakan dalam usaha menyampaikan ilmu agama di premis- premis pendidikan termasuklah di masjid – masjid adalah *google ,face book, youtube, yahoo, baidu, wikipedia live ,twitter,amazon* dan lain-lain lagi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kepentingan penggunaan *ICT* dalam bidang pendidikan sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi pada hari ini. Oleh yang demikian pengetahuan dan kemahiran menggunakan *ICT* dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru amatlah penting untuk meningkatkan mutu pendidikan negara.

Pengetahuan *ICT* tidak hanya berkisar di sekitar kemahiran menggunakan komputer dan aplikasinya sahaja malah turut meliputi penggunaan peralatan lain seperti projektor

LCD ,digital scanner,skrin digital dan sebagainya. Pada masa kini kebanyakan pelajar telah didedahkan kepada penggunaan peralatan *ICT* sebelum menerima pendidikan formal. Oleh kerana itu para guru atau ustaz perlulah melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran menggunakan peralatan *ICT* .

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Menurut Heinich dan Robert (1996) kemahiran menggunakan peralatan *ICT* merupakan satu keperluan untuk para guru sekalian. Berdasarkan dapatan beberapa kajian yang telah dilaksanakan , penggunaan *ICT* dalam bidang pendidikan mampu mendatangkan kesan positif kerana boleh meningkatkan kualiti dan pencapaian pendidikan negara. Penggunaan *ICT* dalam proses pembelajaran dan pengajaran juga boleh menarik minat pelajar mempelajari banyak bidang ilmu kerana peralatan *ICT* boleh merangsang deria pelajar secara maksimum seperti deria penglihatan dan pendengaran sepanjang proses pembelajaran berlangsung. Oleh sebab itu pembelajaran menjadi lebih seronok serta dapat membina daya pemikiran kritis dan kreatif. Menurut pakar pendidikan Heinrich dan Robert(1996) pelajar akan cepat memahami dan mengingat sesuatu ilmu yang diajar sekiranya lebih banyak deria dirangsang semasa pembelajaran berlangsung.

Walau bagaimanapun daripada pemerhatian dan tinjauan awal masih ramai guru atau ustaz yang berkeberatan menggunakan peralatan *ICT* untuk melaksanakan pengajaran dan ramai yang masih lagi menggunakan kaedah lama atau konvensional iaitu dengan menggunakan suara dan mencatat nota di papan hitam sahaja atau yang biasa disebut sebagai kaedah “*chalk and talk*” dan sudah tentu kaedah ini sangat membosankan dan kurang efektif. Jika ramai diantara pelajar yang tertidur semasa mengikuti pengajaran ,guru seharusnya sedar akan kesilapannya kerana tidak memilih wasilah penyampian ilmu yang sewajarnya.

Melalui kajian yang dijalankan ini pengkaji akan mendapat maklumat tentang keberkesanan penggunaan *ICT* dalam menyampaikan kuliah agama di masjid dan sekaligus akan mendapat gambaran tentang halangan –halangan yang dihadapi oleh para ustaz dalam penggunaan *ICT* bagi pengajaran mereka.

1.4 Persoalan Kajian

Matlamat kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab beberapa persoalan berkenaan dengan aspek-aspek berikut:

- (a) Apakah konsep *ICT* dalam pendidikan ?
- (b) Apakah kaedah metodologi dalam menganalisis ?
- (c) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan *ICT* dalam kuliah agama di masjid dalam daerah Kuala Terengganu .?

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat bagaimana peralatan *ICT* mendatangkan kesan positif kepada pengajaran dan pembelajaran yang diadakan di masjid-masjid yang dipilih sekitar bandar Kuala Terengganu. Di antara objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:-

- (i) Mengenalpasti konsep *ICT* dalam pendidikan. .
- (ii) Mendapatkan maklumat tahap pengetahuan teknologi penkomputeran, dalam kalangan komuniti masjid .
- (iii) Menganalisis keberkesanan penggunaan *ICT* dalam kuliah agama di masjid dalam daerah Kuala Terengganu.

1.6 Kesimpulan

Setelah pengkaji mengetahui keberkesanan penggunaan ICT dalam bidang pendidikan di sekolah dan institusi pengajian tinggi kajian ini dilaksanakan pula untuk mengkaji keberkesanan penggunaan ICT di masjid dalam daerah Kuala Terengganu. Metode kajian ini dilaksanakan secara kajian kualitatif iaitu dengan melakukan pemerhatian perjalanan pengajaran dan pembelajaran di masjid yang dipilih dalam daerah Kuala Terengganu.

Methodode kajian ini juga meliputi kaedah temu bual responden yang dipilih daripada ahli komuniti masjid untuk mengumpul maklumat dan data. Melalui kajian kualitatif ini pengkaji yakin akan mendapat maklumat yang tepat dan autentik daripada responden. Daripada analisis hasil temu bual pengkaji akan mendapat gambaran sejauh mana keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah-kuliah agama yang di adakan di masjid-masjid yang dipilih untuk kajian ini. Hasil kajian ini akan disebarluaskan untuk diguna pakai oleh penkaji lain bagi meneruskan kajian yang berkaitan dengan keberkesanan penggunaan ICT dalam penyampaian ilmu di masjid dan juga sebagai panduan kepada pihak pejabat agama negeri untuk merancang kursus penggunaan ICT bagi jawatankuasa masjid dan penyampai kuliah agama di masjid.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pembacaan yang luas diperlukan untuk memenuhi kehendak kajian yang hendak dijalankan . Kajian literatur yang dilaksanakan tertumpu kepada sumber sekunder yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis seperti buku,majalah kertas kerja,kajian-kajian akademik,laporan seminar, tesis dan jurnal-jurnal yang berkaitan. Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan kajian literatur yang berkaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan. Pengkaji akan menghuraikan beberapa istilah penting yang biasa digunakan seperti sistem pendidikan abad ke 21, pedagogi dalam pendidikan, pengaplikasian *ICT* dalam bidang pendidikan , teori resapan inovasi ,kelebihan *ICT* dan masa depannya. Penafsiran konsep-konsep ini dibuat berdasarkan pandangan ,amalan dan dapatan-dapatan para pengkaji daripada kajian-kajian yang lepas.

2.2 Kajian literatur

Kajian literatur ialah kajian ilmiah yang harus dilakukan oleh seseorang pengkaji sebelum melakukan kajian dengan merujuk kepada jurnal ,tesis, prosiding, kerta kerja ,buku ilmiah, majalah dan akhbar atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian yang hendak dilaksanakan.Tujuan kajian literatur dibuat adalah untuk mengenali kajian –kajian yang terdahulu supaya kajian yang hendak dilaksanakan tidak bertindan (sama) dengan kajian yang terdahulu.

Kajian Literatur sangat penting untuk menentukan sumber yang kukuh bagi menetapkan teori pelaksanaan sesuatu kajian dan tidak memadai dengan merujuk kepada keratan akhbar serta sesuatu kertas kerja sahaja. Sumber yang konkrit biasanya didapati daripada buku –buku ilmiah yang ditulis oleh sarjana dan juga jurnal-jurnal yang dihasilkan.(Rosmawati 2012).Melalui kajian literatur pengkaji boleh menentukan pembangunan teori kajian,peembangan reka bentuk, metode pengumpulan dan penganalisan data sebagai perbincangan kajian bersifat saintifik dan emfirikal.(Rosmawati (2012)

2.2.1 Pedagogi dalam pendidikan

Proses pengajaran dan pembelajaran biasanya melibatkan perancangan, pelaksanaan, menilai dan sebagainya (Husin & Abdul Aziz 2004).

Pedagogi biasanya ditakrifkan sebagai kemahiran mengajar yang diaplikasikan oleh guru untuk menyampaikan ilmu sesuatu bidang (*National Board For Professional Teaching Standards* 1998), Badan ini menyatakan bahawa guru yang berkesan menggunakan pelbagai kemahiran dan kebolehan untuk mewujudkan suatu persekitaran pembelajaran yang kondusif supaya pelajar berasa selesa dan berjaya dalam pelajaran dan juga mereka dapat menangani masalah yang dihadapi. Oleh sebab itu guru seharusnya mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam pengajaran. Justeru guru sepatutnya menggunakan kelengkapan infrastruktur teknologi yang ada pada hari ini.

Menurut pandangan Baharun(2002) pedagogi adalah seni dan sains pengajaran yang meliputi prinsip,strategi,kaedah, teknik , dan pelbagai pertimbangan untuk melaksanakan sesuatu pengajaran. Pengajaran dikatakan suatu seni kerana mengambil

kira perbezaan individu dalam kalangan pelajar, memilih kaedah yang sesuai untuk pelajar, memenuhi keperluan yang pelbagai dan menyantuni pelajar sebagai insan yang berpotensi serta perlu dididik secara halus dan berhemah. Pengajaran juga dikatakan suatu sains kerana perlu dilaksanakan secara sistematik dan maklumbalas yang berkaitan dengan pengajaran boleh digunakan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran pada masa hadapan.

Menurut kajian Law, Lee dan Chow (2020) ciri-ciri amalan pembelajaran yang berkesan pada abad ke 21 menekankan ciri-ciri amalan pedagogi inovatif yang membawa kepada pembaharuan kaedah pembelajaran. Dapatan kajian mereka terbukti bahawa pelajar mempunyai sikap lebih positif iaitu mereka mampu mencari maklumat tambahan melalui internet, boleh berfikir secara kritis, belajar dari pelbagai sumber, belajar daripada komuniti mereka dan mampu menghormati idea orang lain.

Pedagogi terus berkembang dengan pesat dan bersepadu. Sebelum ini kajian pedagogi hanya tertumpu kepada pengurusan bilik darjah (Baharun 2002). Setelah masa berlalu pedagogi *ICT* telah muncul sebagai satu dimensi baru yang menyokong pembelajaran (Harvey, 2003). Bidang *ICT* menawarkan persekitaran pembelajaran yang kondusif baik di dalam maupun diluar bilik darjah. (Fleischman 2001).

Menurut Atan (1980) konsep pembelajaran merupakan hasil tingkahlaku atau pengalaman seseorang berikutan daripada aktiviti pengolahan pemikiran ke atas rangsangan-rangsangan yang diterima. Bunyi, warna gambar dan juga rangsangan yang lain memainkan peranan yang penting dalam pedagogi. Dalam penggunaan peranti *ICT*, rangsangan-rangsangan ini diperkasakan dalam bentuk warna, gambar, grafik, teks audio dan video.

2.2.2 Sistem Pembelajaran

Pada umumnya terdapat pelbagai jenis sistem pembelajaran yang telah diwujudkan diantaranya pembelajaran secara konvensional dan pembelajaran melalui peranti elektronik (Divinder & Abdullah 2006).

(i) Pembelajaran Konvensional

Pembelajaran ini banyak juga dapat membantu pelajar untuk mendapat kemahiran seperti berinteraksi antara rakan sebaya, memupuk kerjasama dan dapat membantu rakan-rakan yang lemah. Walau bagaimanapun pada abad ke 21 pembelajaran jenis ini dianggap sebagai pembelajaran "*surface learning*" atau pembelajaran permukaan sahaja kerana kurang membantu untuk meningkatkan prestasi akademik dan pengetahuan pelajar. Pembelajaran konvensional kurang merangsang daya berfikir kerana murid banyak mendengar penerangan guru dan mencatat nota yang dicatat di papan hitam. Pelajar kurang berusaha sendiri kerana banyak bergantung kepada apa yang diberikan oleh guru.

Kaedah ini boleh diubahsuai kepada kepada bentuk yang lebih canggih dan berkesan pada zaman ini (Jonassen 2000)

(ii) Pembelajaran Elektronik(melalui ICT)

Pembelajaran elektronik merupakan kaedah pembelajaran terbaru dengan menggunakan peranti ICT yang telah terbukti berkesan. Dalam kaedah pembelajaran ini peranti elektronik yang digunakan didapati dapat merangsang minda pelajar secara maksimum. Saluran elektronik yang biasa digunakan dalam pembelajaran ini biasanya LAN, WAN atau internet untuk menyalurkan maklumat dan pelajar boleh berinteraksi dengan guru mereka pada jarak jauh. Internet juga merupakan saluran yang paling

bermaklumat yang boleh digunapakai sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran, boleh dicapai oleh guru dan pelajar pada bila-bila masa dengan mudah di dalam maupun di luar bilik darjah.(Siraj 2005)

2.2.3 Pendidikan abad ke 21

Abad ke 21 merupakan abad ledakan maklumat kerana dalam kehidupan seharian hari ini dikayakan dengan pelbagai maklumat yang terletak “*di hujung jari*”. Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan merupakan sebuah bidang dan amalan yang praktikal untuk memudah dan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu juga, teknologi baru ini boleh menarik minat dan menyumbangkan motivasi untuk belajar. Antara teknologi maklumat dan komunikasi yang diaplikasikan dalam dunia pendidikan adalah seperti pendidikan dalam talian.

Senario pendidikan pada abad ke 21 ini lebih bertunjangkan aplikasi teknologi internet tanpa wayar. Menurut Susan & Rossen (2004), pengajaran atas talian bermaksud mengendalikan sesuatu kursus atau pengajaran menerusi internet baik secara menyeluruh mahupun digunakan sebahagian sahaja dalam sesi pengajaran tersebut. Bagi mendapatkan bahan pembelajaran, pelajar hanya perlu mengakses pelajaran melalui internet .

Penyelidikan Adam & Morgan,(2007) menunjukkan penggunaan sumber terbuka dalam bidang pendidikan dapat memberikan kelebihan kepada golongan pendidik dan pentadbir laman web untuk mengolah dan membina kandungan perisian mengikut acuan dan kehendak pedagogi sesebuah institusi pendidikan tinggi. Melalui kajian Triantafillou et al., (2006) ujian yang dilakukan melalui peralatan mudah alih dalam pendidikan mendapati bahawa penilaian yang dilakukan melalui ujian *M-Learning* adalah lebih efektif dan efisien. Justeru itu ujian yang dilaksanakan melalui *M-*

Learning ini lebih menjimatkan masa berbanding dengan ujian yang dilaksanakan secara konvensional. Selain itu, item-item yang dijawab oleh pelajar juga menjadikan proses pembelajaran lebih cepat dan jitu. Walaupun pada awalnya, pendekatan pembelajaran atas talian dianggap sebagai satu pendekatan biasa, namun pada masa sekarang kerajaan telah mula memfokuskan teknologi sebagai jalan penyelesaian kepada kekurangan kemahiran dan pencapaian yang rendah dalam kalangan pelajar (Gorard, 1999).

Pada masa yang sama, kedatangan teknologi ini membawa bersama ciri-ciri yang dapat memudahkan urusan harian manusia. Malah *ICT* dikenalpasti sebagai kuasa tolakan yang mengandungi ciri-ciri yang dapat menyelesaikan masalah pendidikan seluruh dunia (Owen, 2000).

Kajian yang dilakukan oleh Vavoula (2005) pula menunjukkan bahawa pembelajaran setiap hari bagi seorang dewasa merangkumi 51% daripada episod pembelajaran yang dilaporkan berlaku di rumah atau tempat kerja. Seterusnya berlaku di luar waktu pejabat (21%), aktiviti luar(5%), di rumah seorang kawan (2%) atau di mana-mana tempat rekreasi (6%). Lokasi lain yang dilaporkan adalah 14% termasuk tempat-tempat ibadat, kafe, kedai dan di dalam kereta. Menariknya hanya 1% daripada pembelajaran yang dilaporkan berlaku dalam sistem pengangkutan. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran menerusi *M-learning* tidak semestinya dikaitkan dengan pergerakan fizikal.


2.2.4 *Mobile Learning (M-Learning)*

Jika merujuk kepada teknologi mudahalih atau *mobile*, secara umumnya bermaksud *portable* dan *personal* seperti telefon selular mudahalih. Terdapat banyak contoh yang boleh menggambarkan pembelajaran menerusi peralatan teknologi mudahalih ini.

Penggunaan komputer riba, pembantu peribadi digital dan telefon selular mudahalih adalah merupakan komponen-komponen teknologi yang biasa digunakan dalam *M-Learning*. Dengan lahirnya *M-Learning*, pelbagai aktiviti dapat diterokai dengan meluas disamping memperolehi pengetahuan secara kolaboratif dan konvensional di mana sahaja seperti di bilik darjah, rumah atau di pinggir jalan.

M-Learning merupakan konsep baru dalam proses pembelajaran yang menekankan kepada keupayaan untuk memudahkan proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal apabila berlakunya sesuatu proses pembelajaran itu (Kukulska- Hulme et al., 2005). Menurut Prensky (2001) *M-Learning* adalah pembelajaran berbantuan *ICT* yang menggunakan peralatan mudah alih khasnya peralatan mudah alih yang terkini seperti PDA, telefon bimbit, komputer riba dan *tablet PC*. Menurut Siraj (2005) pula *M-Learning* adalah penggunaan peranti tanpa wayar bagi membolehkan pembelajaran berlaku bila-bila masa dan di mana sahaja. *M-Learning* adalah sebahagian daripada E-Pembelajaran dan pembelajaran jarak jauh. Dalam hal ini, jika *M-Learning* dikaitkan dengan internet dan tanpa wayar, konsep *M-Learning* tidak jauh berbeza dengan konsep asal e-Pembelajaran.

Oleh itu, kebolehan sesuatu pembelajaran itu berlaku walaupun di mana sahaja pelajar itu berada atau pun ke mana sahaja arah tujuan mereka tanpa mengira waktu merupakan satu kelebihan yang ada pada *M-Learning*. Berdasarkan Rajah 2.2, (Brown, 2005) menerangkan dengan jelas tentang konsep *M-Learning*. Menurut beliau *M-Learning* adalah subset kepada Pembelajaran Elektronik. Pembelajaran Elektronik ialah konsep makro yang melibatkan persekitaran pembelajaran dalam talian dan *M-Learning*.



Rajah 1: Model M- Pembelajaran Afrika(Brown 2005)

Rajah 1. Pecahan Pembelajaran

Menurut Brown (2005), pelajar juga boleh mengadakan aktiviti pembelajaran secara individu dan berkumpulan seperti melayari laman *web*, menjalankan program atau belajar melalui contoh permasalahan yang disediakan. Dalam kajian Brown (2005), turut menyatakan bahawa perkara yang menguntungkan pelajar adalah pelajar tidak perlu membuang masa menyalin nota yang diberikan oleh pensyarah. Selain itu, dalam kajian Ardi & Tasir (2009) ada menyatakan perkongsian nota di antara para pelajar telah dipermudahkan dengan adanya alatan mudah alih seperti PDA dalam kalangan pelajar. Mereka tidak perlu lagi duduk di hadapan komputer untuk memuat turun nota. Oleh yang demikian, memuat turun nota boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Rajah 1 menunjukkan dengan jelas perhubungan di antara Pembelajaran Elektronik dengan *M-Learning*. Selain daripada itu, Rajah 1 juga menunjukkan *M-Learning* ialah subset kepada Pembelajaran Elektronik. Sementara Pembelajaran Elektronik ialah subset kepada Pembelajaran Jarak Jauh. Pembelajaran Jarak Jauh pula

menjadi subset kepada Pembelajaran Fleksibel .Antara kajian terawal dalam bidang *M-Learning* di Malaysia ialah kajian penilaian pelaksanaan program *M-Learning* kepada pelajar-pelajar tahun 5 di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur.

Tujuan kajian tersebut ialah untuk menyiasat sama ada pelaksanaan program *M-Learning* mencapai hasrat yang ditetapkan ke atasnya dan juga menilai kekuatan dan kelemahan program. Hasil kajian mendapati pelaksanaan program ini telah mencapai hasrat yang diharapkan . Kajian juga mendapati program *M-Learning* mempunyai banyak kekuatan disamping terdapat beberapa kelemahan. (Siraj, 2005). Kebanyakan universiti di seluruh dunia telah melaksanakan kursus-kursus tertentu dengan menggunakan kaedah *M-Learning*. Sebagai contoh, Universiti Sheffield telah melaksanakan program sarjananya menggunakan sistem *M-Learning* (Mc Connell & Lally 2002). Manakala di Universiti of South Dakota semua pelajar- undang - undang dan perubatan menggunakan PDA untuk kegunaan pembelajaran mereka. Penggunaan PDA untuk *M-Learning* membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terhad dalam bilik darjah sahaja. Di samping itu, kajian di Jepun pula menunjukkan semua universitinya mempunyai insfrastruktur yang lengkap untuk persekitaran *M-Learning* (Goda et al., 2008).

2.3 Kesimpulan

Kajian literatur merupakan satu aspek penting untuk menentukan teori kajian yang konkrit sebelum sesuatu kajian dilaksanakan. Dengan terlaksananya kajian literatur pengkaji boleh membina reka bentuk kajian , teknik pengumpulan dan penganalisan data agar perbincangan hasil kajian bercorak saintifik dan emfirikal.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan aspek yang berkaitan dengan prosedur dan cara pengolahan data bagi menyelesaikan atau menjawab persoalan penyelidikan. Sehubungan dengan ini kajian atau penyelidikan pula merupakan proses sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah atau reka bentuk penyelidikan ,instrumen penyelidikan ,sampel,mengumpul data ,menghurai data dan melaporkan maklumat (Azizi et.al Chua 2011).

3.2 Reka bentuk Kajian

Dalam setiap kajian ,hasil kajian ditentukan oleh reka bentuk kajian dan reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajian (Chua 2011). Pemilihan reka bentuk yang sesuai akan membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang tepat (Vaus 2005) Dalam konteks kajian ini pengkaji memilih pendekatan kualitatif untuk mengkaji keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah agama di beberapa buah masjid dalam daerah Kuala Terengganu.

Menurut Creswell (2009) kajian kualitatif adalah kajian untuk meneroka dan memahami seseorang individu atau kumpulan tertentu. Proses penyelidikan dalam kajian kualitatif ini melibatkan persoalan-persoalan baru. Data yang diperolehi biasanya diambil dari peserta dan kumpulan itu sendiri dan dianalisis secara induktif. Pengkaji akan menafsirkan data yang diperolehi serta laporan bertulisnya mempunyai

struktur yang fleksibel.(Noriah et. al. 2010) berpendapat bahawa perkara yang ingin dikaji boleh berupa apa sahaja termasuklah orang perseorangan ,suatu program, satu entiti ,sekumpulan individu atau sebuah oeganisasi,malah objek statik seperti reka bentuk dalam bidang seni turut boleh dikaji. Dalam kajian ini elemen yang menjadi fokus pengkaji ialah komuniti masjid (hadirin) kuliah agama yang diadakan diantara waktu maghrib dan isyak di lima buah masjid dalam daerah Kuala Terengganu .

Dalam sesuatu kajian ilmiah metodologi kajian adalah instrumen utama yang digunakan untuk mencapai objektif kajian .Pengkaji memilih metodologi kajian kualitatif untuk kajian ini .Seterusnya pengkaji akan menghuraikan konsep kajian kualitatif terlebih dahulu supaya perbincangan seterusnya mudah difahami.

Kajian kualitatif merupakan suatu kajian ke atas sesuatu isu untuk mendapatkan maklumat secara detail . Secara menyeluruh kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data kajian. Dalam proses kajian ini terdapat tiga aspek penting.Pertama huraian bagaimanakah prosedur dan proses pengumpulan data. Kedua bagaimanakah data yang diperolehi dianalisiskan . Ketiga adalah bagaimana kajian kualitatif ini menangani isu kesahan dan kebolehpercayaan . Proses kajian ini melibatkan kaedah interaksi ,bersemuka dengan subjek kajian dalam proses mengumpul data dan maklumat kajian. Kajian merupakan proses menyelidik , meneliti dan menyiasat secara sistematik berdasarkan data, kritikal,objektif ,keinginan mengetahui secara saintifik atau menyelidik sesuatu permasalahan yang tertentu untuk mendapat jawapan dan penyelesaian permasalahan yang dikaji. .

Dalam bidang pengajian Islam pendekatan kualitatif telah lama digunakan oleh sarjana Islam. Contohnya sarjana sosiologi yang terkenal Ibnu Khaldun telah mengarang kitab *Muqaddimah* dengan menggunakan pendekatan kualitatif seperti yang sedia ada pada

masa kini. Beliau menggunakan pendekatan pemerhatian mengenai tingkahlaku masyarakat ,persekitaran dan situasi pada zaman beliau. Malah kajian Mahdi Zahraa(tahun2002) telah mendapati sarjana-sarjana Islam menyelesaikan permasalahan semasa dengan pemerhatian dan penelitian tingkahlaku masyarakat pada ketika itu. Metode kualitatif yang dilaksanakan oleh para sarjana Islam lampau mengutamakan pendekatan yang bersumberkan *al Quran* , *al Sunnah* dan metode *usul fiqh*. Menurut Hasan Baharam dan Mohd Sufi Ismail (Tahun1994) bahawa metodologi *ijtihad* atau *istimbath* hukum oleh ulama terdahulu mempunyai persamaan dengan dengan metodologi kualitatif yang digunakan oleh pengkaji semasa. Ulama terdahulu sangat menekankan aspek kesahihan sumber . Mereka meneliti dan menghafal sifat dan latar belakang individu yang melapor sesuatu sumber.

Menurut Denzin dan Colin (1994) Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus ,termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semulajadi) untuk menyelidik sesuatu subjek dalam konteks yang khusus. Ini bermakna kajian kualitatif berfungsi sebagai instrumen untuk memahami keadaan sebenar fenomena dan konteks kajian tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar. Kajian kualitatif berbeza dengan kajian kuantitatif kerana kajian kualitatif tidak menggunakan sebarang kaedah yang melibatkan statistik dan pengiraan. Oleh sebab itu kajian kualitatif dilihat sebagai kaedah yang sesuai untuk memahami sesuatu fenomena secara lebih mendalam.

Kemmis dan Mac Taggart (tahun 1994) berpendapat bahawa objektif utama kajian kualitatif boleh membantu manusia memulihkan dan membebaskan mereka daripada situasi yang tidak jelas,tidak adil,tidak resional,berkaitan dengan struktur masyarakat yang menyekatkan pembangunan dan kemajuan individu serta masyarakat.

Berdasarkan Creswell(1994) pula kajian kualitatif merupakan proses inkuiri ke arah pemahaman yang diasaskan kepada pengumpulan data untuk meninjau sesuatu permasalahan sosial. Dalam konteks ini kajian kualitatif boleh digunakan oleh umat Islam untuk memahami teori dan praktis berhubung dengan pengurusan risiko syariah dalam pelbagai bidang.

3.3 Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel bagi kajian kualitatif ini dibuat dengan menggunakan persempelan secara rawak oleh pengkaji. Menurut pendapat Patton(1994.) adalah pemilihan sampel secara bertujuan dan berdasarkan pelbagai latar belakang.pengalaman dan bidang tugas supaya memahami fenomena kajian. Melalui kajian ini pengkaji lebih berpuashati kerana maklum balas daripada responden diberi secara telus ,mendalam dan memenuhi kriteria responden kajian ini. Selain daripada itu responden mestilah dipilih daripada orang mudah dihubungi serta mempunyai maklumat yang mendalam mengenai kajian.

3.4 Jumlah Responden Kajian

Berdasarkan pendapat Patton(1994) jumlah responden dalam kajian kualitatif tidak terlalu kecil. Namun begitu jumlah yang baik ialah 10 orang responden. Jumlah ini boleh ditambah sebanyak lima orang sekiranya berlaku penambahan data baru untuk dianalisis.Walau bagaimanapun jumlah yang munasabah infoman boleh di wujudkan berdasarkan data dan maklumat yang diperlukan dalam sesuatu kajian. Dalam kajian ini pengkaji memilih secara rawak sepuluh orang responden dari setiap masjid yang dipilih untuk kajian dalam daerah Kuala Terengganu. Justeru itu jumlah besar responden dari lima buah masjid yang dipilih itu ialah lima puluh orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, umur, pekerjaan ,kelulusan dan jantina. Sila rujuk jadual 1.0 .

3.5 Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah triangulasi iaitu menggunakan tiga atau lebih daripada tiga kaedah yang berlainan untuk meneroka sesuatu isu dalam kajian yang akan menambah ketepatan hasil kajian (Mok 2010) Kaedah triangulasi memainkan peranan penting kerana kekuatan kajian kualitatif bergantung kepada pendekatan pelbagai instrumen yang digunakan (Lim et.al. 2010) Oleh kerana itu kajian ini akan menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual sebagai data utama manakala kaedah dokumentasi dan pemerhatian ikut serta terhadap sampel kajian dilaksanakan untuk menyokong data temu bual.

(i) Kaedah Temu bual

Temu bual adalah kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang pengkaji menyoal responden untuk mendapatkan pandangan persepsi ,makna atau takrifan tentang sesuatu situasi dan konstruk realiti dunia sebagaimana yang dilihat dan dialami oleh responden(Ghazali et.al 2010) Temu bual berlaku secara dua hala atau *face to face* antara pengkaji dengan responden atau sebaliknya apabila temu bual dijalankan melalui telefon. Maklumat melalui temu bual terhasil apabila terdapatnya maklumat yang dicari, kefahaman yang jelas daripada responden dan adanya motivasi mereka untuk menjawab (Ahmad Sunawari 2014).

Biasanya , temu bual dijalankan secara perseorangan dimana terdapat penemubual dan seorang responden berinteraksi antara satu sama lain. Namun temu bual juga boleh melibatkan lebih daripada seorang responden pada satu-satu masa. Melalui kaedah temu bual, pengkaji menyoal dengan lebih terperinci tentang aspek yang diselidiki, terutamanya isu yang berkaitan dengan perasaan atau fakta dengan lebih mendalam yang lazimnya tidak mampu diperolehi melalui kaedah tinjauan,ujian atau kaedah-

kaedah lain yang menggunakan kaedah kuantitatif (Ghazali et.al.2010). Setelah responden dikenal pasti pengkaji memaklumkan kepada responden tujuan dan kepentingan kajian, serta cara kajian dijalankan.(Mok 2010)

Setelah mendapat kebenaran daripada responden untuk membuat rakaman pengkaji boleh memilih alat rakaman sama ada *handphone* atau perakam suara khusus model Sony ICD-UX543F/B. Matlamat merakam temu bual dalam kajian ini ialah supaya maklumat yang didapati direkod dengan kekal dan juga pengkaji memberi tumpuan sepenuhnya kepada temu bual yang dijalankan.

Dalam kaedah temu bual ,bentuk yang digunakan ialah temu bual semi berstruktur. Berdasarkan kaedah ini pengkaji menyoal responden berdasarkan senarai soalan yang telah dibina sebelum sesi temu bual dilaksanakan, tetapi pengkaji juga diberi kebenaran untuk menyoal balas kepada reaksi responden terhadap soalan awal. Oleh itu urutan soalan, cara soalan diajukan dan bentuk soalan boleh berubah-ubah bergantung kepada reaksi dan tindak balas yang diberikan oleh responden (Chua 2011).

Dalam temu bual yang dijalankan pengkaji menggunakan dua bentuk soalan. Pertama soalan yang berbentuk *close ended* yang melibatkan maklumat peribadi dan latar belakang responden . Ini membantu pengkaji untuk mendapatkan jawapan dari responden dengan cepat dan mudah tanpa responden perlu berfikir panjang untuk memberikan jawapan. Manakala soalan kedua adalah berbentuk *open ended* bagi membolehkan responden memberikan maklumat tambahan yang lebih mendalam mengenai aspek-aspek yang ditanya(Sekaran &Bougie 2010). Soalan-Soalan yang diajukan kepada responden adalah berkaitan dengan kefahaman responden mengenai pengetahuan asas ICT seperti cara menggunakan laptop, LCD, skrin, aplikasi ICT,

seperti power point, youtube dan sebagainya. Senarai lima puluh orang responden yang ditemu bual dalam kajian ini dengan, menggunakan pemilihan secara rawak adalah sebagaimana berikut:

Jadual 1.0 Senarai dan Latar Belakang Responden

Bil	Nama Responden	Umur/ Tmpt Lahir	Pendidikan	Pekerjaan	Jantina
1	NurIlman	23 Sg,Rengas	Ijazah	sendiri	L
2	Ikmal	16 Kepong Trg	PMR	Pelajar	L
3	Mohd Deen	17 Losong	SPM	Pelajar	L
4	Isa	41 Sg.Rengas	PMR	Pemandu	L
5	Halim	25 Wkf. Mmpelam	SPM	Tukang Paip	L
6	Fahmi	38 Sg Rengas	Sarjana Perubatan	Doktor	L
7	Fatma	19 Losong	SPM	Pelajar	P
8	Izudin	30 Gelugor	SPM	Kerani	L
9	Md Lazim	42Wkf mempelam	SPM	Pembantu Kesihatan	L
10	Zahid	55 Ladang	SPM	Peniaga	L
11	Haliza	35 Paya Bunga	SPM	Pembantu Akauntan	P
12	Jefri	26 Pgdng. Baru	SPM	Kerana	L
13	Nik Sufian	38 Gelugor	SPM	Ustaz	L
14	Daud	65 kepong	SPM	Pesara	L
15	A. Rahim 31	32 Gelugor	SPM	Pg.Pertanian	L
16	Aziz	67Wkf Mmpelam	SPM	Pesara	L
17	Hj Karim	56Kepong	SPM	Pem.Perubatan	L
18.	Zarina	32Wkf Mempelam	Ijazah	Guru	P
19	Ainun	65Pngd Baeu	SPM	Pesara	P

20	Yusof	46 Ladang	SPM	.Pebt.Jurutera	L
21	Md. Asraf	15Paya Bunga	PMR	Pelajar	L
22	Anaqi	30 Gelugor	SPM	Pegawai Kew	L
23	Ramli	46 Ch. Tiga	PMR	Peniaga	L
24	Sidek	52Wkf Beruas	SPM	Juru teknik	L
25	Asnan	25Wkf Mempelam	SPM	Guru	L
26	Faridah	47 Wkf Beruas	STP	Jururawat	P
27	Rosmawati	24 Losong	Ijazah	Peniaga	P
28	Aima	31 Losong	SPM	Jurujuwal	P
29	Dahlia	38 Ch, Tiga	STP	Guru Tadika	P
30	Hashim	56 Hiliran	SPM	Juru gegas JKR	L
31	Samsudin	49Tok Kaya	SPM	Juru Kimpal	L
32	Ali	52Wkf, Beruas	PMR	Pemandu Teksi	L
33	Nukman	28 Pdg Midin	Ijazah	Pegawai MPKT	L
34	Hindun	54 Beladau	SPM	Kerani	P
35	Sariza	32 Kbnng Parit	SPM	Penyelia TADIKA	P
35	Hj Syafie	74 Ladang	SPM	Pesara	L
36	Razali	38 Tanjong	SPM	Polis	L
37	Awang	65 K.Ibai	PMR	Pesara	L
38.	Nordin	43.Pngdgn.Baru	STP	Pmb. Jurutera	L
39.	Alias	50 Losong	Sarjana	Pensyarah	L
40	Zaleha	53Wkf mmpelam	PMR	Peniaga	P
41	Husni	35 Gelugor	Ijazah	Guru	L
42	Lokman	66 Kbnng Parit	SPM	Pesara	L
43	Suhaili	32 Tol Kaya	Ijazah	Jurutera	L
44	Md Danial	21 Ch. Tiga	STP	Pelajar	L

45	Md Izam	37 Tok Jamal	SPM	Tentera	L
46.	Roslan	59 Ladang	STP	Pemb.Perubatan	L
47	Nur Syafikah	33 Gelugor	STP	Guru Agama	P
48	Azman	41 Keluang Johor	STP	Peg. Kastam	L
49	Salmah	44 Wkf. MMpelam	STP	Jururawat	p
50	Jamaludin	49 Ladang	SPM	Peniaga	L

Temu bual ini dilaksanakan dari pertengahan Januari 2020 hingga akhir Mac 2020. Pada dasarnya temu bual ini merupakan temu bual secara mendalam. Walau bagaimanapun garis panduan asas proses temu bual perlu dipatuhi untuk mendapat jawapan persoalan dan objektif kajian. Menurut Taylor dan Boghdon(1998) metode temubual adalah metode kajian yang melibatkan interaksi antara pengkaji dan pihak yang ditemu bual dengan jangkaan hasil yang dijangka akan diperolehi daripada pihak yang ditemu bual.

Temu bual berstruktur mempunyai fleksibiliti yang membenarkan pengkaji mengubahsuai soalan untuk memahami fenomena yang dikaji. Fleksibiliti dalam temubual membolehkan responden menceritakan pengalaman yang dilaluinya dan terdapat juga pernyataan yang tidak dapat dijangka yang dinyatakan oleh responden.

Oleh kerana kajian temu bual semi struktur adalah sesuai dengan situasi seperti ini kerana dengan adanya sifat fleksibiliti dalam temu bual ini pengkaji boleh mengubah temu bual selaras dengan dasar pernyataan dan data yang diperolehi semasa temubual.

Temu bual yang baik wujud apabila pengkaji dan responden saling mempercayai antara satu sama lain. Kemahiran pengkaji menanyakan soalan untuk menggalakkan informan bercakap lebih panjang dan menyatakan lebih banyak maklumat. Metode temu bual

semi struktur digunapakai apabila pengkaji sukar mendapat maklum balas daripada responden. Dengan mengubah bentuk soalan temubual pengkaji dapat membantu responden supaya mencapai objektif kajian.

(ii) Kaedah Dokumentasi.

Kajian kualitatif tidak hanya tertumpu kepada temu bual responden semata-mata . Metode penilaian dokumen juga merupakan metode yang biasa dilaksanakan dalam kajian ini. Tujuan melaksanakan metode penilaian dokumen adalah untuk mendapatkan bukti-bukti tambahan dan maklumat dari sumber lain.

Penilaian dokumen penting untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi ketika temu bual dilaksanakan. Dokumen juga dapat menyediakan maklumat yang khusus dan tepat serta terperinci. Dalam keadaan tertentu penilaian dokumen dapat membantu pengkaji mengesan percanggahan maklumat yang didapati daripada temu bual.

Kaedah dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada kaitan dengan masalah kajian. Dokumen ini termasuklah gambar, buku-buku ilmiah, jurnal ,surat khabar dan sebagainya. Pengkaji menggunakan beberapa buah perpustakaan antaranya Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perpustakaan Digital OUM dan Perpustakaan Al Ghazali Masjid al Muktafibilah. Untuk mendapat maklumat tentang peranan ICT dalam pengajaran pembelajaran pengkaji merujuk jurnal kajian dan buku ilmiah tentang komputer dan pendidikan Era Perkembangan ICT di Malaysia dan dunia sejagat.



3.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian yang dilaksanakan melibatkan penggunaan teori pembelajaran dan sesuai digunapakai untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan ICT dalam pengajaran ilmu

agama di masjid. Kerangka konsep ini digubal berasaskan prinsip-prinsip pembelajaran yang dicadangkan dengan menggunakan tiga teori pembelajaran iaitu:

- (i) Keadaan pembelajaran
- (ii) Metode pembelajaran
- (ii) Hasil pembelajaran.(kesan)

Kerangka konsep yang digubal adalah seperti yang dipaparkan di bawah:



Rajah 1. Kerangka konsep kajian.

Kerangka konsep digubal berasaskan kerangka teori kajian yang dapat membentuk pemboleh ubah iaitu bersandar dan tidak bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada peringkat pertama teori pembelajaran yang terdiri daripada keadaan pembelajaran dan metode pembelajaran. Dalam kerangka teori ini pemboleh ubah tidak bersandar adalah penggunaan peranti ICT dalam pengajaran pemboleh ubah bersandar pula terdiri daripada kesan pembelajaran kepada komuniti masjid. Pengkaji akan mengkaji jenis bahan ICT dan kekerapan penggunaan dalam kuliah agama untuk mendapat maklumat tentang keberkesanan penggunaan ICT kepada pembelajaran komuniti masjid. Kajian ini berkaitan dengan pemboleh ubah tidak bersandar yang kedua iaitu kekerapan penggunaan ICT.

Selanjutnya kesan penggunaan ICT dalam kuliah agama dapat dikaji melalui temu bual dengan responden tentang peningkatan kekuatan akidah, kepatuhan kepada syariat dan perubahan akhlak komuniti masjid yang di kaji.

3.7 Kepentingan Kajian

Di antara sebab kajian ini dijalankan adalah untuk dijadikan rangka rujuk utama, tabung fakta dan keberkesanan kuliah agama di masjid. Sehubungan dengan itu dapatan daripada kajian ini dapat menjadi panduan untuk merancang, program latihan, dan seminar bagi guru-guru takmir dan juga imam serta AJK masjid. Hasil kajian ini juga dapat menyedari komuniti masjid bahawa metode pengajaran dalam kuliah agama mesti mengalami anjakan paradigma ke arah yang lebih berkesan lagi. Dari sudut pihak berwajib seperti pejabat agama negeri mestilah mengambil cakna yang lebih serius lagi tentang penggunaan ICT dalam pengajaran agama di masjid- masjid agar berada pada tahap terkini dan menjadi salah satu wadah pembelajaran sepanjang hayat bagi masyarakat Islam.

3.8 Skop Kajian

Skop kajian ini melibatkan 50 orang responden yang diambil daripada 5 buah masjid yang berdekatan dengan kampung pengkaji . Kajian ini lebih tertumpu kepada keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah maghrib di masjid- masjid kajian .Pengkaji berharap dapatan kajian ini dapat membuka jalan untuk pengkaji-pengkaji lain melaksanakan kajian selanjutnya sama ada dalam bentuk kuantitatif maupun kualitatif yang lebih mendalam lagi untuk meningkatkan mutu kuliah agama di masji-masjid di seluruh tanah air kita.

Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk kualitatif yang melibatkan jumlah responden dari 5 buah masjid dalam daerah Kuala Terengganu. Namun begitu dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat mempengaruhi guru takmir atau para ustaz yang menyampaikan kuliah maghrib supaya menggunakan peralatan ICT dengan lebih me luas lagi supaya kuliah menjadi lebih menarik dan berkesan serta dapat menarik lebih ramai golongan muda untuk menghadiri kuliah di masjid serta dapat memakmurkan masjid pada waktu malam .Golongan muda yang kebanyakannya pelajar boleh dikatakan ramai yang mahir dalam teknologi komputer. Jika kuliah maghrib masih lagi dilaksanakan secara konvensional hasrat untuk menarik golongan muda supaya mempelajari ilmu agama di masjid tidak akan kesampaian .

3.9 Kesimpulan.

Metodologi kajian adalah satu aspek teori bagaimana seharusnya sesuatu kajian itu dilaksanakan secara sistematik dan saintifik.Seseorang pengkaji mestilah memahami reka bentuk dan skop kajian terlebih dahulu supaya kajian menjadi terarah dan mencapai objektif yang ditetapkan.

BAB 4

HASIL PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Hasil penemuan kajian merupakan hasil sesuatu kajian yang mengandungi maklumat dan data untuk dianalisis dan diterjemahkan menjadi informasi yang saintifik dan empirikal. Sebagai contoh hasil kajian yang diperolehi daripada pemerhatian, temu bual dan soal selidik perlu dianalisis untuk mendapat jawapan kepada objektif kajian. Bagi mendapat hasil kajian, instrumen yang betul mestilah digunakan supaya sesuatu kajian itu mencapai objektif kajian. Sebagai contoh instrumen kajian kualitatif seharusnya terdiri daripada borang butiran peribadi yang mengandungi butir-butir seperti latar belakang, jantina, bangsa, taraf pendidikan, jawatan atau pekerjaan dan set soalan temu bual dengan responden. Hasil kajian yang diperolehi daripada sesuatu kajian seharusnya mampu menjawab soalan-soalan berikut:

(i) Adakah penemuan anda menjawab soalan-soalan kajian anda?

(ii) Adakah alat ukur yang anda kemukakan itu dapat mengukur apa-apa yang hendak diukur?

Lazimnya kesemua data yang didapati daripada sesuatu kajian dianalisis sama ada secara kuantitatif atau kualitatif. Kemudiannya untuk menggambarkan dapatan kajian dengan lebih jelas pengkaji hendaklah mempersembahkan dapatan kajian dengan membina jadual, graf, carta bar, carta pie, graf garisan atau gabungan. (Ustaz Kenali 2013)

4.2 Demografi Responden


Demografi responden mengandungi maklumat butir diri responden sebagaimana yang di muatkan di dalam borang kaji selidik kajian ini . Sila rujuk lampiran A berkembar .

Dalam kajian kualitatif data yang diperolehi akan dianalisis dalam bentuk carta pai dan graf bar dan rakaman temubual akan ditukarkan kepada transkrip mikrosoftword

Seramai 50 orang responden terlibat dalam kajian ini. Dalam bahagian ini pengkaji akan memaparkan latarbelakang atau demografi responden berdasarkan umur, jawatan, status perkahwinan , kelulusan akademik dan jantina dalam bentuk carta pie.

(i) Taburan Responden berdasarkan jantina

Jadual 1.2 Taburan Responden Berdasarkan Jantina.




Jantina	Kekerapan	Peratus(%)
Lelaki	37	74
Perempuan	13	26
Jumlah	50	100

Hasil kajian ini menunjukkan peratus kehadiran responden lelaki lebih ramai berbanding dengan perempuan seramai 37 orang (74%) manakala responden perempuan seramai 13 orang (26 %). Taburan ini dapat dilihat dengan jelas sebagaimana data dalam jadual di atas Carta Pie 1.1

(ii) Taburan Responden berdasarkan Umur

Carta Pie 1.2 Taburan Responden berdasarkan umur




Responden berumur 15-30 tahun seramai 9 orang iaitu 18 % ,yang berumur 31-46 tahun seramai 15 orang iaitu 30 %, manakala yang berumur 47-63 tahun 20 orang 40 % dan yang berumur 63 tahun ke atas 6 orang (12 %.) Berdasarkan jadual taburan umur di atas golongan orang muda dan separuh umur yang berumur 31 hingga 63 tahun paling ramai menghadiri kuliah maghrib (70%).kerana golongan ini sudah kurang dipengaruhi oleh aktiviti berpoya-poya dengan rakan sebaya di luar masjid. Manakala kaum belia yang menghadiri kuliah maghrib berada di tempat kedua paling kurang(30%) menghadiri kuliah maghrib. Warga emas yang berumur 63tahun ke atas paling kurang sekali menghadiri kuliah maghrib iaitu seramai 12 peratus sahaja.Ada kemungkinan gologan ini sudah ramai yang uzur dan mengidap berbagai jenis penyakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi

Jadual 1.2 Taburan responden berdasarkan status perkahwinan Status	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Bujang	7	14
Berkahwin	40	80
Duda	1	2
Janda	2	4
Jumlah	50	100.0

. **Jadual 1.3 Taburan Reponden Berdasarkan Perkahwinan**

Carta Pie 1.3 Status Perkahwinan




Taburan responden berdasarkan status perkahwinan adalah seperti yang dicatat dalam jadual 1.3 di atas.

Bujang 7 orang iaitu 14 %, berkahwin 40 orang 80 % , duda seorang 2 peratus dan janda 2 orang 4 peratus.

Jadual 1.4 Taburan Responden Berasaskan Pencapaian Akademik

Kelulusan	Kekerapan	Peratus (%)
PMR	7	14
SPM	26	52.
STPM	8	16
SARJANA MUDA	7	14
SARJANA	2	4
Jumlah	50	100

Carta Pie 1.4 Pencapaian Akademik



Berdasarkan taburan responden dalam jadual 1.3 di atas menunjukkan pencapaian akademik yang mempunyai peratusan terendah adalah sarjana iaitu 2 orang (4%). Kebanyakan responden adalah lepasan SPM dengan seramai 26 orang (52.0%). Responden yang mempunyai kelayakan akademik STPM 8 (16 %) dan Sarjana Muda seramai 7 orang (14%). Selain itu, responden lepasan akademik PMR mencatat (14%) seramai 7 orang. Sehubungan dengan ini responden yang mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi dapat menjawab soalan temu bual dengan lebih detail dan bermutu jika dibandingkan dengan yang berpendidikan sederhana dan rendah.

4.3 Hasil Pemerhatian Pengkaji

Pengkaji telah melawat kelima-lima buah masjid yang dipilih untuk kajian ini untuk membuat pemerhatian dan tinjauan tentang infrastruktur ICT . Hasil tinjauan dan pemerhatian pengkaji dapat merumuskan sebagaimana jadual senarai semak berikut:-

Tarikh tinjauan dan pemerhatian dilaksanakan ialah Sabtu 4 Januari 2020 jam 2.00 hingga 6.00 petang.

Jadual 1.6 dibawah merupakan senarai semak peralatan yang terdapat di masjid – masjid kajian yang dilawati oleh pengkaji.

Bil.	Masjid Kajian	Laptop	Projektor LCD	Skrin Putih	Internet
1	Masjid Zainal Abidin	1	1	1	1
2	Masjid al Muktafibilah (Ladang)	1	1	1	1
3	Masjid Al Muttaqim	1	1	1	0
4	Masjid Tok Jamal	1	1	1	0
5	Masjid Al Tohiri	1	1	1	0

Petunjuk : 1= Ada 0=Tiada

Daripada data di dalam jadual di atas kesemua masjid kajian dibekalkan dengan peralatan asas ICT seperti laptop ,projektor LCD dan skrin putih Pada pemerhatian dan tinjauan pengkaji hanya dua buah masjid kajian sahaja mempunyai talian internet iaitu Masjid Zainal Abidin dan Masjid Al Muktafibilah(Ladang).Kelengkapan asas ICT yang cukup banyak mempengaruhi keberkesanan pengajaran ilmu agama di masjid. Untuk pengetahuan kita bersama Masjid Zainal Abidin mempunyai kelengkapan peralatan ICT yang tercanggih jika dibandingkan dengan masjid-masjid lain setakat ini kerana masjid ini mempunyai kiosk siaran langsung kuliah agama untuk siaran radio tempatan.

Dalam gerak kerja kajian seterusnya pengkaji telah mengunjungi masjid-masjid kajian secara bergilir-gilir untuk memerhatikan sendiri perjalanan penggunaan peralatan ICT dan reaksi hadirin kuliah semasa kuliah maghrib berlangsung. Secara umumnya ustaz yang menyampaikan kuliah maghrib kurang mempelbagaikan penggunaan aplikasi ICT dalam penyampaian mereka seperti *video* serta sedutan dari *youtube* dan sebagainya. Ramai diantara mereka hanya menggunakan aplikasi *power point* sahaja untuk penyampaian mereka.Walau apa pun penggunaan aplikasi tersebut lebih baik daripada

cara penyampaian konvensional (cara lama) dan ini dapat diperhatikan daripada reaksi hadirin semasa kuliah maghrib berlangsung. Mereka menunjukkan reaksi yang lebih positif iaitu ramai yang memberi perhatian yang serius semasa kuliah berlangsung dan tidak ramai yang mengantuk sebagaimana yang biasa diperhatikan dalam kuliah agama yang disampaikan secara konvensional sebagaimana kita perhatikan keadaan makmum yang tertidur semasa mendengar khutbah jumaat.

4.4 Hasil Temu bual Pengkaji Dengan Responden

Sila rujuk lampiran B yang dikembarkan.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis perbualan spontan di antara pengkaji dan responden yang telah dirakam dan kemudiannya ditukarkan kepada transkrip mikrosoft word.(dalam bentuk teks).Dalam kajian kualitatif metodologi temu bual merupakan metode yang digunakan untuk mengumpul data. Temu bual dijalankan untuk mengetahui buah fikiran atau pandangan responden tentang penggunaan dan keberkesanan ICT dalam kuliah agama di masjid-masjid kajian.

Kajian ini memokuskan keberkesanan penggunaan peranti ICT oleh para ustaz dalam kuliah agama kepada hadirin (komuniti masjid). Soalan temu bual yang diajukan oleh pengkaji kepada responden bertujuan untuk mencungkil kefahaman responden terhadap kesan penggunaan peralatan ICT dan aplikasinya kepada komuniti masjid yang mengikuti kuliah agama.

Selain daripada itu pengkaji juga akan mendapat “*feedback*” daripada responden berkaitan dengan perbezaan penyampaian kuliah dengan kaedah lama atau konvensional yang digunapakai sejak berabad lalu. Melalui temu bual ini pengkaji juga dapat menyelami pandangan dan cadangan responden untuk memperkasakan penggunaan peralatan ICT dalam kuliah –kuliah agama di masjid.

Subungan dengan ini pengkaji juga dapat menggerakkan minda responden supaya peka kepada anjakan paradigma dalam pembelajaran di masjid yang merupakan premis pembelajaran sepanjang hayat bagi komuniti masjid dan semua lapisan masyarakat secara amnya. Perubahan ini seharusnya berlaku seiring dengan apa yang berlaku di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang mana penggunaan ICT telah terbukti lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membina modal insan negara.

Dalam gerakerja kajian ini pengkaji telah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada responden untuk merakamkan perbualan mereka dengan tujuan untuk menganalisis idea dan pandangan mereka tentang objektif kajian yang dijalankan. Langkah selanjutnya untuk menganalisis perbualan yang telah dirakamkan itu pengkaji terlebih dahulu menukarkan perbualan tersebut kepada transkrip microsoft words dalam bentuk teks dialog sebagaimana yang dituturkan termasuklah sebutan atau bunyi suara yang tidak memberi bermakna secara literasi seperti ah,emm, isy. Oo dan sebagainya. Walaupun sebutan-sebutan tersebut tidak memberi makna seperti yang tercatat di dalam kamus ia adalah penting untuk ditafsirkan kepada tingkahlaku responden semasa ditemubual yang boleh menggambarkan sifat-sifat tertentu dan sikap responden seperti sombong, angkut, takut ,serius, kelakar, santai, acuh tak acuh dan sebagainya sebagaimana yang kita akan temui dalam segmen analisis penuh nanti.

4.5 Gambaran Tentang Transkrip

Setelah temu bual dilaksanakan pengkaji memperolehi rakaman perbualan pengkaji selaku pengaju soalan dan respoden selaku pihak yang menjawab soalan kajian. Kemudiannya rakaman suara perbualan tersebut mestilah ditukarkan kepada teks perbualan(dialog) sebelum dianalisis. Segala ucapan termasuklah sebutan yang tidak

bermakna seperti ooo,ah,eem dan seumpamanya mestilah dicatatkan dalam transkrip. Ujuran-ujuran ini penting untuk dianalisis kerana

Menurut pandangan Harvey Sacks (1960) analisis perbualan merupakan sebuah disiplin akademik. Harvey berpandangan bahawa apabila kajian penggunaan bahasa dibuat satu set teknik mesti digunakan untuk mentafsir makna sesuatu perkataan atau sebutan. Dalam penafsiran ini penekanan diberikan kepada struktur, nada dan ciri-ciri lain dalam interaksi verbal. Analisis perbualan ini selalunya melibatkan rakaman video dan audio serta dianalisis dengan mencatat bagaimana perbualan dimulakan, tempoh berhenti (jeda) dan seumpamanya.

4.6 Analisis Transkrip Temu bual

Setelah rakaman perbualan selesai dibuat semua rakaman suara perlulah ditukarkan kepada transkrip. Pada keseluruhannya analisis pertuturan daripada transkrip yang telah disediakan melibatkan tiga aspek utama iaitu analisis perbualan, ciri-ciri pertuturan dan ciri-ciri analisis naratif

4.6.1 Metode Perbualan

Kaedah analisis perbualan ini telah diperkenalkan oleh Harvey Sacks (1960) yang berpendapat bahawa kaedah ini penting untuk menentukan makna sebenar sesuatu sebutan (ujaran).

4.6.2 Metode Pertuturan

Elemen-elemen yang terlibat dalam analisis pertuturan adalah prinsip kerjasama (*cooperative Principle*), ambil giliran (*turn taking*), Pasangan bersebelahan (*adjacency Pair*), Isyarat saluran belakang (*Back channel Signal*) ujaran ujaran mengulang (*Eco utterance*), Istilah Penyuntingan (*editing terms*) dan pelbagai

lagi. Analisis pertuturan ini akan memberi fokus kepada contoh-contoh yang ada dalam transkrip yang dibina.

(i) Prinsip Kerjasama (*cooperative Principle*)

Menurut pendapat Grice (1975) bahawa biasanya semua yang terlibat dalam pertuturan akan menyampaikan maklumat yang benar, relevan, jelas, dengan apa yang diperkatakan supaya dapat difahami oleh kedua-dua belah pihak.. Menurut beliau lagi terdapat empat jenis prinsip kerjasama iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim korelevanan dan maksim kejelasan .

Satu contoh yang terdapat terdapat di dalam transkrip adalah seperti berikut:

Penemubual:	“ Assalamualaikum boleh Akak ceritakan secara ringkas latar belakang Akak?”
Responden	“Saya seorang jururawat yang bertugas di Hospital Nur Zahirah “

Contoh di atas menunjukkan prinsip kerjasama yang wujud di dalam transkrip yang telah dihasilkan. Prinsip kerjasama tersebut menzahirkan maksim kuantiti dan maksim kualiti. Maksim kuantiti mengandungi maklumat yang mencukupi Jawapan yang di berikan oleh responden mengandungi maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji tidak lebih dan tidak kurang. Maksim kualiti pula mengandungi maklumat yang sahih dan datang dari sumber yang kukuh.

(ii) Ambil Giliran (*Turn Taking*)

Berdasarkan pendapat Harvey Sacks(1960) ,Emanuel A.Segloff (1973)dan Gail Jefferson (1974) ambil giliran ialah suatu proses pertuturan yang tersusun dan tertib. Sifat-sifat menunjukkan peradaban dalam proses komunikasi. Proses ambil giliran

ini berlaku dalam semua transkrip kerana penemubual dan responden bekerjasama untuk mewujudkan perbualan yang bermakna dan difahami. Responden yang ditemubual akan mengetahui bilakah masa yang sesuai untuk menjawab soalan dan memahami jeda yang patut diikuti dalam proses ambil giliran. Disiplin ini dapat mengelakkan pertindihan atau gangguan berlaku dalam temu bual

(iii) Pasangan Bersebelahan (*Adjacency Pair*)

Mengikut Emanuel A. Schegloff (1973) Pasangan bersebelahan adalah sejenis bentuk ambil giliran tetapi sebutan yang hendak diucapkan bergantung sepenuhnya kepada yang diucapkan sebelumnya.

Contohnya

Penemubual ; Bidang Sains major sebagai?

Responden :Major Kimia minor fizik

Contoh di atas menunjukkan wujudnya pasangan bersebelahan (*adjacency pair*) dalam perbualan. Salam perbualan ini responden memberi jawapan kepada apa yang dikehendaki oleh penemubual.

(iv) Isyarat saluran Belakang (*Back Channel Signal*)

Isyarat Saluran Belakang adalah sesuatu sebutan ,perkataan atau ungkapan yang dilakukan orang yang sedang mendengar untuk memberi isyarat yang dia sedang mendengar dan berminat untuk terlibat dengan perbualan.

Contohnya:

Responden :Ermmm yang lebih berkemampuan eh?

Penemubual: Emmhmmm.

Dalam contoh di atas penemubual menyebut Emmmh sebagai isyarat kepada responden yang dia sedang mendengar dan berminat untuk turut serta dalam perbualan tersebut.

(v) **Ujaran Yang Berulang**(*Eco Utterance*)

Ujaran yang berulang adalah sebutan yang mengulangi apa yang disebut oleh responden sama dan keseluruhan ayat atau sebahagian daripada ayat yang dituturkan oleh penemubual . Suasana begini berkaku apabila melaksanakan soal jawab untuk memberi penekanan terhadap sesuatu perkara. Contohnya:

Penemu bual : Err kalau begitu macam mana dengan kerja rumah yang lain tu pulak
macam mana?"

Responden :Emmmh kalau pasal kerja rumah tu kan , macam mana eh?

Dalam contoh di atas responden mengulangi soalan yang di sebut oleh penemu bual.

(vi) Istilah Penyuntingan (*Editing Term*)

Istilah penyuntingan adalah kata-kata yang disebut apabila penutur merasa ragu tentang apa yang sedang diucapkan atau sedang mencari ungkapan yang sesuai untuk diujarkan.

Keraguan ini biasanya akan diisi dengan kata-kata pengisi atau (*filler words*) atau kata penunjuk (*clue phrase*). Kata-kata pengisi seperti err,erm,haa, manakala kata penunjuk pula merupakan kata-kata yang memberi peluang kepada penutur untuk memikirkan kembali apa yang sedang disebut. Contohnya:

Penemubual : Emm.. kalau ada video klip yang menarik bagaimana?

Responden :Haa eloklah tu memang tidak mengantuk jika ikut kuliah tu"

Dalam contoh di atas emm dan haa merupakan kata pengisi yang biasa di sebut dalam perbualan penggunaan kata pengisi memberi peluang kepada responden untuk mencari kata-kata yang sesuai untuk disebut.

4.7 Analisis Naratif (Narrative Analysis)

Dalam segmen ini pengkaji akan menunjukkan beberapa transkrip hasil temu bual pengkaji dengan responden. Melalui analisis ini pengkaji dapat melihat perbezaan sudut pemikiran diantara responden tentang sesuatu objektif kajian. Namun begitu secara kesimpulannya biasanya fikrah responden lebih kurang serupa. Selanjutnya berikut ini di paparkan transkrip perbualan diantara pengkaji dengan seorang responden lelaki. Sila rujuk lampiran B berkembar.

4.8 Analisis Transkrip Temu Bual Dengan Responden

Setelah rakaman temu bual di buat, setiap rakaman temu bual ditukarkan kepada transkrip temu bual sebagaimana yang terdapat di dalam lampiran B berkembar. Dalam sesi temu bual ini (sila rujuk soalan temu bual dalam lampiran A) pengkaji mengajukan soalan-soalan temu bual yang merangkumi beberapa aspek kepada responden untuk mencungkil bukti keberkesanan penggunaan ICT dalam penyampian kuliah maghrib di masjid. Di bawah ini adalah analisis transkrip temu bual yang mengandungi jawapan responden kepada soalan-soalan temu bual yang telah diajukan oleh pengkaji.

4.8.1 Elemen – Elemen Yang Menyumbang Kesan Positif Terhadap Penggunaan ICT dalam Kuliah Agama di Masjid.

Elemen	Fon	Tlism	J	Saiz	Skrin	J	Jenis	Tlism	J	Loght	Trg	J
Respons	sesuai	x sesuai		sesuai	x sesuai		Rumi	Jawi		Fahm	Kurang faham	
Taburan Respdn	47	3	50	48	2	50	46	4	50	48	2	50
Taburan %	94	6	100	96	4	100	92	8	100	96	4	100

Jadual (a) di atas menunjukkan taburan respons daripada responden terhadap elemen – elemen yang menyumbang kepada keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah agama di masjid. Bagi fon tulisan yang digunakan oleh penceramah 94 % responden bersetuju dengan kesesuaian fon atau bentuk tulisan yang digunakan oleh penceramah . Manakala empat peratus lagi responden tidak bersetuju dengan fon tulisan yang digunakan. Responden yang tidak bersetuju dengan fon yang digunakan oleh penceramah terdiri daripada responden yang bersara atau veteran yang mempunyai masalah deria penglihatan, Mereka memerlukan saiz fon huruf yang lebih besar supaya dapat di baca dari saf belakang. Responden lain yang tidak bersetuju dengan fon yang digunakan oleh penceramah terdiri daripada responden wanita. Mereka inginkan huruf yang berwarna warni digunakan oleh penceramah supaya persembahan dalam kuliah kelihatan lebih menarik dan bukan kerana kedhaifan deria penglihatan,

Selain daripada itu terdapat dua orang responden yang tidak bersetuju dengan fon yang digunakan oleh penceramah kerana huruf yang digunakan berada dalam keadaan statik semasa didayangkan diskrim. Mereka mencadangkan penceramah lebih kreatif dalam persembahan semasa menyampaikan kuliah Mereka mencadangkan para ustaz atau penceramah menggunakan aplikasi pergerakan huruf tertentu semasa menggunakan aplikasi *power point* seperti pergerakan huruf yang biasa digunakan di antaranya *fly from the top, fly from the bottom, fly from the right, fly from the left, explosion, implotion, type wrighter, bullet* dan sebagainya supaya persembahan *power point* menjadi lebih menarik. Responden yang memberi cadangan ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran komputer yang agak ke hadapan daripada yang lain. Seterusnya berkenaan dengan saiz skrin yang digunakan oleh ustaz 96 % daripada responden sangat bersetuju bahawa skrin yang dibekalkan di masjid memang sesuai

digunakan oleh ustaz atau penceramah. Majoriti hadirin yang mengikuti kuliah agama mengatakan mereka dapat melihat dengan jelas apa yang ditayangkan di skrin walaupun berada di saf belakang. Namun begitu masih ada 4% daripada responden yang tidak bersetuju dengan saiz skrin yang digunakan oleh penceramah kerana mempunyai masalah deria penglihatan . Mereka terdiri daripada pesara dan yang agak lanjut usia. Mereka mencadangkan ustaz menggunakan skrin yang lebih besar daripada yang sedia ada agar semua hadirin yang mengikuti kuliah dapat melihat dengan jelas apa yang ditayangkan di skrin oleh penceramah sama ada berada di saf hadapan maupun di belakang.

Berhubung dengan pemilihan jenis tulisan yang digunakan oleh para ustaz majoriti responden(92 %) memilih tulisan rumi dan bersetuju digunakan oleh para penyampai kuliah di masjid kerana mereka sangat biasa menggunakan tulisan rumi sejak dari sekolah rendah lagi . Mereka terdiri daripada generasi muda yang berusia di antara 15 tahun hingga lima puluhan. Mereka yang agak veteran dan yang berjawatan sebagai guru agama atau yang biasa belajar agama(8% daripada responden) dengan menggunakan kitab *turath* atau “kitab kuning” lebih berminat dengan tulisan jawi .

Berhubung dengan loghat penyampai kuliah di masjid dalam daerah Kuala Terengganu penyampai kuliah menggunakan loghat Terengganu kerana biasanya mereka terdiri daripada anak watan Terengganu .Menurut pengkaji 96% dari pada responden terdiri daripada anak watan Terengganu tidak menjadi masalah untuk memahami kuliah yang disampaikan dalam loghat Terengganu. Walau bagaimanapun terdapat 4% daripada responden yang kurang memahami kuliah dalam loghat Terengganu kerana mereka berasal dari luar Terengganu. Mereka datang ke Terengganu untuk berkhidmat sebagai guru dan pegawai kastam. Sungguhpun begitu mereka masih mampu memahami kuliah yang disampaikan dalam loghat Terengganu walaupun tidak sepenuhnya kerana mereka

hanya tidak memahami istilah- istilah tertentu sahaja dan tambahan pula mereka sentiasa dibantu oleh teman -teman sekuliah.

4.8.2 Kesan ICT terhadap Pancaindera dan Minat

Perasaan / Alat	minat		Jmlah	Power	Point	Jumlah	Alat	ICT	Jmlh
Respons	minat	Tidak minat		Bosan	Tidak Bosan		Ngantuk	Tidak Ngantuk	
Taburan Responden	49	1	50	2	48	50	1	49	50
% Responden	98	2	100	4	96	100	2	98	100

Jadual b. Taburan Respons Responden Terhadap Minat ,Rasa Bosan Dan Rasa Mengantuk.

Berkaitan dengan minat pengkaji mendapati 98% responden sangat berminat untuk menghadiri kuliah maghrib yang menggunakan ICT kerana persembahannya lebih menarik daripada cara pengajaran lama atau konvensional iaitu dengan bersyarah sahaja dari awal hingga ke akhir kuliah serta amat membosankan . Namun begitu masih terdapat 2% daripada responden yang masih kurang berminat dengan kuliah yang menggunakan ICT. Responden yang mewakili kumpulan ini terdiri daripada responden yang berumur dan mempunyai masalah kesihatan deria penglihatan. Majority(98 %) responden inginkan anjakan paradigma dalam penyampaian kuliah agama di masjid

setanding dengan apa yang berlaku di sekolah dan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia.

Sehubungan dengan ini penggunaan aplikasi *power point* yang diadunkan dengan gambar ,grafik ,dan video klip yang sesuai dengan tajuk kuliah dan dapat merangsangkan pancaindera iaitu mata dan telinga responden . Minda pelajar juga terut dirangsang dan ini tentu sekali tidak membosankan.

Sungguhpun begitu masih terdapat 4 % daripada responden yang tidak bersetuju dengan penggunaan aplikasi *power point* dapat menghindarkan rasa bosan. Responden yang berpendapat begini terdiri daripada mereka yang agak berusia berusia yang biasanya berumur tujuh puluhan. . Mereka juga mempunyai masalah kesihatan deria penglihatan dan pendengaran .

Walau bagaimanapun pengkaji mendapati 96 % responden sangat bersetuju bahawa penggunaan peralatan ICT dalam penyampian kuliah dapat mengelakkan rasa mengantuk. Hasil kajian ini selari dengan kenyataan Robin J. Ittigson dan John G.Zewe(,2004) yang menyatakan bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar. Keadaan ini berlaku kerana kandungan CD ROM dan *courseware* yang digunapakai oleh ustaz boleh merangsang deria pelajar supaya memberi perhatian yang bersungguh kepada apa yang ditayangkan di skrin.

Pendapat Robin J. Ittigson dan John G.Zewe(2004) yang popular adalah “*Technology empowers learners with tools to enhance their learning styles and make concepts understandable and interesting.*”

Menurut kajian Wan Nur Azyyati (2007) pula semakin banyak pancaindera dirangsang semakin berkesan pembelajaran kerana pancaindera yang berlainan menghasilkan

tanggapan yang berlainan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Ng Ying(2004)pula menyatakan melalui kajiannya bahawa pancaindera penglihatan berupaya menerima 4 300 000 maklumat manakala pancaindera pendengaran pula berupaya menerima 50 000 maklumat pada satu-satu masa. Ini membuktikan kepada kita bahawa organ-organ deria tersebut mestilah dirangsang dengan sepenuhnya untuk berfungsi dengan baik dan boleh membantu pelajar untuk memahami dan mengingati sesuatu ilmu yang dipelajari dengan lebih baik.

4.8.3 Kesan Terhadap Pertambahan Ilmu.

Elemen	Tahap	Ilmu	Jmlh	Kadar	Pertmbhn Ilmu	Jmlh	Kadar	Ingatan	Jmlh
Kadar perubahan	Bertambh	Tidak Bertambh		Cepat	Lambat		Lama	sekejap	
Taburan Tesponden	44	6	50	44	6	50	47	3	50
% Respoden	88	12	100	88	12	100	94	6	100

Jadual c Taburan Responden Terhadap Tahap Pertambahan Ilmu, kadar Pertambahan Ilmu Dan Tempoh Mengingati Ilmu.

Keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah Agama di masjid boleh dikesan dengan mengkaji tahap pertambahan ilmu, kadar pertambahan ilmu dan tempoh mengingati ilmu yang berlaku kepada responden selepas menghadiri kuliah agama yang

diadakan. Berdasarkan hasil kajian ini pengkaji mendapati 88% responden mengaku bahawa ilmu agama semakin bertambah dan begitu juga kadar pertambahan ilmu cepat berlaku selepas menghadiri kuliah agama yang menggunakan ICT. Selain daripada itu 94 % daripada mereka dapat mengingati ilmu yang dipelajari itu lebih lama. Mengikut pendapat responden kelebihan ini berlaku kerana minda dan pancaindera hadirin sentiasa dirangsang sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. (Ini berlaku sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Wan Nur Azzyyati(2007) dan Ng Ying (2004) di atas)

Sebahagian kecil (6 hingga 12%) responden memberi respons yang negatif tentang perubahan pertambahan ilmu dan kadar mengingati ilmu yang dipelajari . Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bahagian awal kumpulan kecil reponden ini terdiri daripada pesara dan warga emas yang mempunyai masalah kesihatan, deria penglihatan dan pendengaran yang boleh mengganggu pembelajaran mereka.

Oleh kerana itu secara keseluruhannya penggunaan ICT dalam kuliah agama banyak memberi kesan positif kepada responden dan komuniti masjid.

4.8.4 Kesan Ke Atas Akidah , Syariah Dan Akhlak

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan kaedah untuk membuktikan keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah agama melalui kajian perubahan tiga unsur penting yang ada pada seseorang muslim iaitu akidah, syariah dan akhlak

Elemen	Akidah		Jmlh	Ilmu	Syariah	Jmlh	Akhlak		Jmlh
Tahap Peubahan	mantap	Tidak mantap		bertambah	Tidak bertambah		Semakin baik	Tidak Berubah	
Taburan									

Responden	50	0	50	48	2	50	50	0	50
Taburan %	100	0	100	96	4	100	100	0	100

(i) Kesan ke Atas Akidah

Berdasarkan kepada hasil temu bual bahawa 100% responden bersetuju bahawa akidah mereka menjadi lebih mantap selepas menghadiri kuliah agama yang menggunakan ICT. Ini berlaku kerana sesuatu ilmu yang diajar dengan menggunakan aplikasi *power point* lebih mudah difahami kerana ustaz menggunakan grafik dan video klip yang sesuai dengan kuliah. Selain daripada itu penyampai kuliah juga menyenaraikan ringkasan isi kandungan kuliah. Misalnya semasa ustaz mengajar tentang makna dua kalimah syahadah beliau menyelit contoh –contoh bergambar tentang apa yang berkaitan dengan kesaksian kita kepada Allah dan Rasulullah. Untuk memperkasakan lagi akidah hadirin (pelajar), ustaz menayangkan video klip yang menggambarkan ajaran sesat dan perlakuan penganut mazhab yang terkeluar dari landasan akidah Islam seperti ajaran Syiah, ajaran Ayah Pen, Bahai, Qadiani dan banyak lagi. Selain daripada itu ustaz juga memaparkan senarai kata-kata dan perbuatan yang boleh membatalkan akidah. Seperti sering kita dengar ada yang mengatakan “Ada wang boleh buat segala-galanya”. Ramai juga orang awam menyumpah ujian Allah SWT seperti “Allah ! lebatnya hujan habis rosak anak tembakau yang baru ditanam,” “Lebatnya hujan hari ni nak buat kerja tak dapat”. Rungutan seperti ini menunjukkan mereka membenci perbuatan dan ketentuan Allah SWT boleh merosakkan akidah kerana tidak redha dengan ketentuan Allah SWT dan mesti bertaubat segera.

Tidak kurang juga ada yang melakukan perbuatan menyembah berhala kerana meraikan rakan – rakan bukan Islam pada hari perayaan mereka dan sebagainya .Semua perbuatan ini boleh merosakkan akidah seseorang muslim(jumhurul ulama')

Pengajaran tentang sifat dua puluh bagi Allah yang wajib difahami dan diketahui oleh seseorang muslim menjadi lebih jelas dan mantap bila dibantu dengan video klip yang sesuai. Dalam perbualan dengan responden pengkaji mengajukan juga soalan –soalan untuk menguji kemantapan akidah mereka.Sebagai contoh, kita biasa mendengar ungkapan : “Jika bapa meninggal maka gelaplah masa depan isteri dan anak-anak”. Apakah pendapat anda tentang ungkapan tersebut?.Ungkapan ini boleh merosakkan akidah kerana seolah- olah bapalah yang menjaga masa depan dan memberi rezeki keluarga dan tidak bergantung harap kepada Allah SWT.

(ii) Kesan Ke Terhadap Ilmu Syariat.

Menurut pandangan majoriti(100%) responden mengakui bahawa ilmu syariat yang dipelajari melalui kuliah yang menggunakan ICT bertambah luas dan mendalam kerana huraian yang disampaikan menjadi lebih jelas dengan menggunakan grafik, video klip dan sebagainya. Sebagai contoh semasa ustaz mengajar ibadah solat beliau menggunakan video tentang cara menunaikan solat menurut apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan juga beliau menyelitkan video yang menggambarkan bagaimana orang sakit yang terlantar di atas katil melakukan solat; solat dalam kenderaan semasa bermusafir dan sebagainya. Melalui aplikasi ini responden mengaku bahawa mereka dapat memahami ibadah solat dengan lebih jelas dan mendalam.

Selain daripada responden mengetahui hukum halal,haram, sah, batal, sunat ,makruh dan harus mereka juga dapat mengetahui hukum hakam yang tidak disebut secara terperinci di dalam Al Quran seperti undang--undang jalan raya yang selama ini apa

yang difahami umum tidak berkait dengan hukum syariat. Sebenarnya undang-undang jalan raya jugan berkaitan dengan hukum syariah kerana menepati nas di dalam al Quran yang mafhumnya “*Jangan kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan.*” (Surah 2:195). Tambah mereka lagi berkenaan dengan peraturan jalan raya jumhurul ulama juga” bersepakat bahawa pengguna jalan raya yang sengaja melanggar peraturan jalan raya seperti melanggar lampu merah adalah haram dan berdosa dan boleh dikenakan hukuman takzir oleh pemerintah kerana boleh mengakibatkan kemalangan yang boleh menyebabkan kerosakan harta benda, kecederaan dan kematian.

Begitu juga tabiat merokok menurut jumhurul ulamak juga merokok hukumnya haram kerana berdasarkan ayat al Quran yang telah dibincangkan diatas. Menghisap rokok boleh memudharatkan fizikal dan mental seseorang dan juga orang yang ada disekeliling perokok. Asap rokok mengandungi banyak bahan kimia yang beracun dan boleh menyebabkan kanser paru-paru serta berbagai jenis penyakit lagi (hasil kajian ahli kimia).Ini bercanggah dengan hukum syarak. Oleh kerana itu pihak kerajaan telah menggubal akta larangan merokok dan sabit kesalahan boleh dikenakan hukum takzir ke atas pesalah.

(iii) Kesan Terhadap Akhlak.

Menurut pengakuan majoriti(100%) responden bahawa mereka telah mengalami perubahan akhlak yang lebih ketara selepas menghadiri beberapa siri kuliah agama yang menggunakan ICT kerana dalam penyampaian kuliah ustaz menayangkan video klip yang menggambarkan azab yang menimpa orang-orang yang berdosa atau pelaku maksiat di alam barzakh dan di akhirat nanti. Contoh sebegini menyebabkan responden berasa gerun dan insaf serta berusaha untuk meninggalkan tabiat buruk seperti

mengumpat, derhaka kepada ibu bapa, guru, tabiat merokok dan banyak lagi yang boleh merosakkan akhlak seseorang muslim. Dengan usaha sebegini ramai umat Islam berubah menjadi insan yang lebih baik dan bertakwa. Justeru dapat membantu negara melahirkan modal insan yang berakhlak mulia dan bertakwa.

4.9 Kesimpulan

Pada keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa ahli jawatankausa masjid dan responden yang telah dipilih untuk ditemu bual telah menyambut baik dan memberi kerjasama yang hebat untuk menjayakan temu bual ini. Jawapan yang diberikan oleh responden banyak di pengaruhi oleh beberapa faktor seperti umur, taraf pendidikan dan pekerjaan dan perkahwinan. Misalnya jawapan yang lebih baik, matang dan terperinci serta rasional diberikan oleh responden yang mempunyai pendidikan yang lebih baik seperti guru, pegawai kerajaan, doktor dan sebagainya.

Tujuan atau objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa, penggunaan ICT dalam kuliah agama di masjid- masjid kajian khususnya memberi impak yang baik kepada komuniti masjid (pelajar). Pada era perkembangan ICT atau TMK penyampaian ilmu secara konvensional tidak lagi relevan. Pihak masjid sepatutnya menyertai anjakan paradigma ini bagi menjayakan kaedah penyampaian ilmu agama yang lebih berkesan agar setanding dengan apa yang berlaku di sekolah –sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Pada keseluruhannya para responden mengaku bahawa proses pengajaran dan pembelajaran ilmu agama dengan menggunakan peralatan ICT sangat berkesan dan pada masa yang sama dapat menarik minat para hadirin untuk memakmurkan masjid pada waktu malam.

5.0 KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada “era ledakan maklumat” ini hidup seharian menjadi sukar dan tidak lengkap tanpa ICT. Golongan yang tidak peka kepada perkembangan ICT akan menjadi golongan yang janggal dan dianggap ketinggalan zaman . Pada zaman ini setiap keluarga dalam masyarakat mesti mempunyai komputer dan telefon pintar untuk berhubung di antara satu sama lain dan menimba ilmu serta mengetahui info terkini.

Sebagai contoh sekarang semua orang sedang berada dalam perintah kawalan pergerakan (PKP) dan perintah berkurung kerana dunia sedang dilanda oleh wabak yang di sebabkan oleh *corona virus* atau lebih dikenali sebagai *covid 19*. Wabak yang sedang merebak dengan pantas dan telah mengorbankan banyak nyawa.

Pada ketika ini hidup akan menjadi lebih sukar tanpa peralatan ICT dalam sesebuah keluarga kerana sukar untuk berhubung dengan ahli keluarga dan menerima arahan daripada pihak kerajaan. Yang paling penting lagi ialah para pelajar tidak lagi dapat belajar secara biasa kerana semua premis pendidikan ditutup hingga ke satu tempoh yang masih lagi belum diketahui. Jadi untuk menyelesaikan masalah pendidikan sekarang pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengarahkan semua pelajar di semua peringkat belajar secara atas talian (*online*) di rumah masing-masing atau di mana sahaja mereka berada. Sekiranya pihak keluarga atau pelajar itu sendiri tidak mempunyai peralatan ICT (paling tidak telefon pintar) maka pelajar tersebut akan ketinggalan di dalam pelajaran mereka. Pembelajaran atas talian (*online*) telah lama

dilaksanakan di beberapa buah sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia dan seluruh dunia. Jenis dan kaedahnya pembelajaran telah dibincangkan secara terperinci dalam kajian literatur (Bab 2). Berhubung dengan situasi ini semua masjid juga turut ditutup dan tidak dibenarkan umat Islam menunaikan semua jenis solat dan mengadakan kuliah agama di masjid. Selain daripada itu sesetengah pejabat juga terpaksa ditutup dan para kakitangan diarahkan oleh pihak kerajaan supaya bekerja di rumah secara atas talian sebagai langkah untuk mengawal jangkitan virus tersebut. Justeru peranan ICT amat penting pada masa darurat seperti yang kita semua hadapi sekarang.

5.2 Cadangan pengkaji

Setelah kita dapat melihat keberkesanan penggunaan ICT dalam kuliah agama di masjid – masjid yang di pilih untuk kajian, pengkaji mencadangkan bahawa semua masjid seharusnya melakukan anjakan paradigma dalam penggunaan ICT sebagaimana yang telah dilakukan oleh para ustaz di masjid - masjid tersebut. Sesungguhnya sekarang kita sedang berada pada era ledakan maklumat yang sangat pantas. Telah banyak kajian terdahulu dilakukan oleh beberapa pengkaji tentang keberkesanan penggunaan ICT dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Begitu juga keperluan ICT sangat mendesak untuk kerja-kerja pengurusan dan perhubungan di pejabat dan industri.

Oleh kerana itu apa yang didapati oleh pengkaji dalam kajian masing masing seharusnya dikongsi dan dimanfaatkan juga di tempat-tempat lain termasuklah di masjid- masjid di seluruh tanah air kita

Pihak pengkaji sanggup berkongsi idea dengan pihak lain untuk aktiviti ini agar kita dapat memperkasakan lagi penggunaan ICT di mana saja termasuk di semua masjid

dan surau setelah mengetahui keberkesanan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran . Pengkaji mengajak pihak pengurusan masjid supaya memperkasakan lagi program tersebut di masjid masing- masing di seluruh pelusuk tanah air dengan mewujudkan prasarana ICT, menubuhkan jawatankuasa ICT, mengadakan kursus secara bersiri dengan kerjasama pejabat agama di negeri masing- masing dan juga mencari dana tambahan untuk penyelenggaraan peralatan ICT. Supaya pihak masjid tidak ketinggalan dalam bidang ini pengkaji mencadangkan agar pihak kerajaan menyalurkan peruntukan yang secukupnya melalui pejabat agama negeri untuk membeli peralatan ICT yang baru kerana yang sedia ada di masjid telah ketinggalan zaman dan tidak berfungsi dengan baik dan ada yang rosak. Peranan pejabat agama pula seharusnya menubuhkan jawatankuasa teknikal ICT untuk menyelia penggunaan ICT di masjid -masjid di negeri masing-masing. Sehubungan dengan ini pihak jabatan agama juga hendaklah menganjurkan kursus membaikpulih peralatan ICT untuk ahli jawatankuasa ICT masjid memandangkan kos membaik pulih peralantan ICT semakin mahal seperti membaik pulih komputer, laptop dan projektor LCD.

Pihak pengurusan masjid juga dinasihatkan menubuhkan jawatankuasa teknikal ICT sukarela yang dianggotai oleh pelajar atau lepasan ijazah dalam bidang ICT yang ada di kariah masing-masing untuk meringankan beban kewangan dan tanggungjawab jawatankuasa pengurusan ICT di masjid.

Sehubungan dengan ini pihak masjid hendaklah juga memasang talian internet untuk memudahkan para ustaz mengeksekus maklumat tertentu sebagai bahan kuliah mereka. Walau apapun penggunaan internet mestilah dikawal dengan ketat supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan peribadi. Untuk pengurusan penggunaan ICT di masjid termasuk talian internet pihak pengurusan masjid seharusnya menyediakan buku log penggunaan ICT untuk merekod penggunaan

dan mengesan kerosakan atau kehilangan peralatan ICT. Premis ICT di masjid hendaklah sentiasa dikunci apabila tidak digunakan dan jangan membiarkannya terdedah kepada orang ramai.

Akhir sekali pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak jawatankuasa masjid supaya menyediakan bahan-bahan pengajaran dalam bentuk CD atau USB atau *pendrive* supaya dapat digunakan semasa ketiadaan ustaz atau dipinjamkan kepada komuniti masjid untuk ulangkaji pelajaran agama di rumah. Jika perkara ini diuruskan dengan baik masa yang terluang kerana keuzuran ustaz dapat dimanfaatkan dengan menggunakan peralatan tersebut sebagai suatu kaedah untuk meneruskan kuliah. Seringkali pengkaji perhatikan bahawa masa tersebut tidak diisikan dengan aktiviti yang berfaedah dan berlalu begitu sahaja dengan para makmum bersembang serta ada juga yang merokok di perkarangan masjid sementara menunggu masuknya waktu isyak.

5.3 Kesimpulan

Kaedah penyampaian ilmu sentiasa berubah-ubah dari zaman ke zaman. Pakar pendidikan sentiasa membuat kajian untuk mencari kaedah yang paling baik dan berkesan untuk menyampaikan ilmu kepada anak didik baik disekolah maupun juga di pusat-pusat pengajian tinggi termasuklah masjid dan suarau.

Pada Era ledakan maklumat dan perubahan teknologi komunikasi yang semakin hebat ini kita umat Islam tidak harus berpeluk tubuh menjadi penonton sahaja dalam kancah perubahan ini. Semua lapisan masyarakat mesti turut serta dalam perubahan arus perdana ini jika tidak umat Islam khususnya akan ketinggalan dan dipandang hina oleh kaum lain. Sesungguhnya teknologi maklumat dan komunikasi ini banyak manfaatnya kepada manusia umumnya baik dalam urusan duniawi maupun ukhrawi.

Ilmu Allah SWT maha luas maka kejarlah ilmu-ilmu yang baik dan amalkanlah dalam

kehidupan harian selagi tidak bercanggah dengan akidah dan syariat Allah SWT.

Bidang ilmu teknologi maklumat dan komunikasi ini merupakan anugerah Allah SWT yang maha agung untuk memudahkan manusia menjalani kehidupan yang penuh dengan kesibukan pada hari ini. Melalui bidang TMK atau *ICT* ini manusia dapat memajukan diri dengan pantas . Berbagai ilmu dan maklumat dapat dicapai dengan sekelip mata tanpa sempadan dan dimana sahaja mereka berada selari dengan ungkapan “*zaman maklumat di hujung jari*”

Melalui kertas projek yang bertajuk **KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM KULIAH AGAMA DI MASJID-MASJID DALAM DAERAH KUALA TERENGGANU** ini pihak pengkaji dapat melaksanakan kajian dengan jayanya berkat kerjasama ahli jawatankuasa masjid dan responden terutama sekali mereka sudiuti meluangkan masa untuk ditemu bual. Berdasarkan hasil kajian pengkaji berjaya membuktikan bahawa penggunaan ICT dalam penyampian kuliah agama di masjid sangat berkesan kepada komuniti masjid. Bersandarkan kepada respons yang diberikan oleh para responden dalam temu bual majoriti daripada mereka mengaku bahawa perubahan positif telah berlaku terhadap akidah, ilmu syariat, akhlak, minat dan mental selepas menghadiri beberapa siri kuliah agama yang menggunakan ICT di masjid.

Berdasarkan hasil penemuan kajian ini pengkaji dapat membuktikan bahawa penggunaan aplikasi seperti microsoft words power point, youtube grafik dan video klip dapat menarik minat komuniti masjid untuk mereka yang mengikuti kuliah agama mendapati mudah memahai ilmu yang di ajar oleh para ustaz kerana mereka menggunakan aplikasi aplikasi tersebut yang boleh merangsang minda dan panca indera sepanjang kuliah berlangsung. Sehubungan dengan ini hadirin yang mengikuti kuliah tersebut boleh mengingati ilmu yang dipelajari lebih lama.. dan juga a akidah mereka

menjadi lebih mantap..Majoriti responden (100%) mengaku bahawa mereka telah meninggalkan akhlak yang buruk selepas menghadiri kuliah agama yang menggunakan ICT kerana mereka berasa bertambah gerun terhadap azab Allah SWT selepas menonton video yang menggambarkan azab Allah yang menimpa orang yang berdosa sama ada di dunia dan di akhirat.Ini membuktikan kepada kita penggunaan ICT dalam pembelajaran memberi kesan yang sangat positif kepada para pelajar.

Selain daripada itu pengkaji mengharapkan agar hasil kajian ini dapat menokok tambah kepada hasil kajian yang sedia ada dan sekali gus menjadi panduan untuk melaksanakan kajian-kajian akan datang yang berkaitan dengan bidang ICT. Pengkaji juga mengharapkan bahawa hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada pihak pejabat agama negeri dan AJK masjid untuk merancang kursus dan bengkel pengurusan dan kemahiran ICT kepada para penyampai kuliah pada masa akan datang. Usaha ini patut diperkasakan lagi sebagai wadah untuk membatu negara membina modal insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertakwa. Melalui usaha yang sedikit ini pengkaji berharap hasil kajian ini nanti dapat disebarluaskan untuk dipraktikkan. Pengkaji juga mengharapkan apa yang telah diusahakan ini akan menjadi sebahagian daripada gerakerja dakwah sebagaimana pesanan Rasulullah SAW melalui hadis baginda yang bermaksud;

“Sampaikanlah ilmu daripada Ku walaupun satu ayat”

(HR Bukhari).

“Wallahu ‘alam bissowab.”

RUJUKAN

- Al Quran Tafsir (2010) Magfirah Pustaka Al Madanaki Enterprise, Perak.
- Al Hadith Sahih Bukhari Fathul Bari Jilid 1 (cetakan 2010) . Kahirah.
- Abdul Aziz bin Abdul ghani (2009) Keberkesanan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam OUM
- Abdul Ghani Samsudin (2008) ICT Percambahan Ilmu Bercapah Penyebar Khazanah Perpustakaan ilmu- ilmu Islam. Artikel 1 Suara Ulama [http://www e-ulamaorg](http://www.e-ulama.org) .
- Ab Halim El Muhammady (1994) Peranan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah,Kuala Lumpur. Budaya Ilmu Sdn Bhd..
- Abdul Halim Masnan 2008 HubungKait Kemahiran Penggunaan komputer ke atas pencapaian matematik kanak-kanak prasekolah. *Proceedings International Conference on the education of Diverse Learners (ICELD 2008)* Universiti Malaysia Bangi.
- Abd Latif Gafor 2012 Keberkesanan Geo TV Terhadap Pencapaian dan minat Pelajar Dalam Topik Pengaruh Cuaci pendidikan Malaysia dan Iklim Terhadap Kegiatan manusia Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia Bilangan 2.No.2
- Abdul Manaf bohari. Nur Haryani Zakaria , Norliza Katuk & Zhurin Mat Aji(2006).Sistem Maklumat dalam Organisasi Kontemporari. Prantice Hall person Malaysia Sdn Bhd : Selangor. .
- Abdul Raof Ismail 1993 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran agama Islam di Sekolah Menengah Bangi . U.niversiti Kebangsaan Malaysia.
- Aluyah Binti Suhai 2011 Keberkesanan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan pembelajaran al Quran di SK Abang Hj Matahir Sarikei OUM
- Aminuddin bin Mansor 2011 Persepsi pelajar Terhadap Keberkesanan ICT dalam Pendidikan Syariyyah Islamiah di SMKA Pedas Negeri Sembilan UKM
- Azhar bin Muhammad & Nurul Huda Binti Abdul Wahab (2005) Aplikasi ICT dalam Pendidikan Islam .Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahya,Shahrin Hasyim ,Jamaludin Ramli,Yusuf Boon& Abdul Rahim Hamdan 2006.Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan Teori dan Analisis Teori Analisis & Interpretasi Data .Kuala Lumpur .PTS Professional Publishing Sdn .Bhd.

Basri ,M (2006),Isu-isu Teknologi Naklumat, Menurut Hadith,Selangor .

Bryman ,Alan, (2008) *Social Research Method* Ed.ke -3 Oxford ,Oxford University Press.

Emanuel A. Schegloff (2007) *Sequence Organization in Interaction :A Primer in conversation Analysis I* Cambridge University Press.

Hesse-Biber ,S,dan Leavy (2006),*P.Practice of Qualitative reasearch* Ed.Ke -2 (Thousand Oaks CA ,Sage).

Hishamuddin Md Som (2005)Panduan Mudah Johor Baharu UTM Skudai.

Ibnu Khaldun (1993) Mukadimah Ibnu Khaldun ,ter Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris Awang (2001) Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan ,Kuala Lumpur Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya .

Johari bin Hassan & Norhayati Edje (2008) Penggunaan Internet Di Dalam Mempertingkatkan Proses Pengajaran &Pembelajaran (P&P) Dalam kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan UTU Tesis Skudai.

Jenisick V.(1994) *The dance of Qualitative Research Design* ,London Sage Publication.

Johari bin Hassan T dan Siti Kamisan (2009) Halangan Terhadap Penggunaan Komputer Dan ICT Di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Universiti Teknologi Malaysia.

Marshall.C, and Rosman ,G.C.(1995) *Designing Qualitative Reasearch* Ed,Ke-2 London Sage Publication.

Mohd Majid Konting (2005) Kaedah Penyelidikan Pendidikan Cetakan Ketujuh. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka. Menganalisis Data Kualitatif (2015) Seminar Analisis Data Kualitatif Menggunakan Atlas ti.MPWS Training Centre Bandar Baru .Selangor .

Mohamad Nagib Abdul Ghafar (1999) Penyelidikan Pendidikan Johor Baharu Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Miles, M.B. dan Huberman(1994) ,*Qualitative Data Analysis* London Sage Pubpublication .

Musa bin Abu Hassan (2002a) Peranan Dan Penggunaan ICT dalam Kalangan Masyarakat, Serdang, Penerbit Universiti Putera Malaysia.

Nadia, (2015) Aplikasi ICT yang boleh digunakan dalam pengajaran dan Pembelajaran.

Nafisoh, (2010) Maksud ICT, Dicapai 20 Februari 2020 dari <http://pendidikan.ict.blogspot.com/2010/06/maksud-ict.html>

Othman Lebar (2014) Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Methode Tanjung Malim, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Patton, M.Q. (1994) *Qualitative Evaluation and Research Methods* Ed ke-2 New York Park, CA Sage Publication.

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (2001). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia... Penggunaan Teknologi dan ICT dalam P&P dalam bilik Darjah. Dicapai pada 10 Februari 2020 dari <http://www.slideshare.net/isuict12/penggunaan-ict-dalam-pg>

Rosmawati (2012) <http://www.rosma212.wordpress.com/2012/01/05/kajian-litratur>

Sabitha Marican Kaedah Penyelidikan Sains Sosial (2005) Pearson Malaysia Sdn Bhd Selangor.

Sarina, (2009), Definisi Pengajaran dan Pembelajaran. Dicapai pada 15 Februari 2020 dari <http://sarinapraktikum.blogspot.com/2009/07/definisi-pengajaran-dan-pembelajaran.html>

Suhali Hanafi, (2013). Cabaran dan Isu Penggunaan ICT dalam Pendidikan. Dicapai pada/ 25/ Januari/ 2020 dari <http://www.slideshare.net/suhailiHanafi/cabaran-dan-isupenggunaan-ict-dalam-pendidikan>

Taylor, S dan Bogdan R. (1998) *Introduction to Qualitative Research Methods* Ed. ke-3 New York, John Wiley and Sons.

Thought Co. Talking Together : *An Introduction to Conversation Analysis*. Dicapai daripada <https://www.thoughtco.com/introduction-to-conversation-analysis-16918802>.

Ustaz kenali, (2013) Dapatan Kajian. Dicapai pada 24 April 2020 dari <https://ustazkenali.wordpress.com/2013/03/17/dapatan-kajian>.

Labov, William & Joshua Waletzky (1967) *Narrative Analysis Oral version of personal experience*. In J. Helm (ed) *Essays on the verbal and visual Arts*. Seattle University of Washington Press.

Lampiran A

Instrumen Kajian

NO SIRI

--	--	--	--	--

BORANG TEMU BUAL

Kajian ini adalah kajian ilmiah untuk menyempurnakan kertas projek Sarjana Muda Pengajian Islam dan Pengurusan OUM .2019

TAJUK

KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM KULIAH AGAMA DI BEBERAPA BUAH MASJID DALAM DAERAH KUALA TERENGGANU.

Segala kerjasama daripada responden yang terlibat diucapkan jutaan terima kasih dan semoga sentiasa dirahmati Allah SWT.

BAHAGIAN A (DEMOGRAFI RESPONDEN)

(Sila tandakan (/) dan isikan tempat kosong pada jawapan anda. Jawab semua soalan)

(1) Umur : ----- Tahun

(2) Jantina : _____(3)Kelulusan tertinggi Akademik

1. PMR/ SRP 2. IVThanawi 3. SPM 4. Diploma
5. Ijazah 6. Sarjana 7. Doktor Falsafah
8 Lain-Lain Nyatakan _____

4.Taraf Pekerjaan

- 1 Pelajar 2 Badan Kerajaan 3. Swasta(NGO)
4 Persendirian 5 Pesara 6. Lain-Lain

nyatakan.._____

5.Warganegara

- 1 Malaysia 2 Asing
-

6. Adakah anda ahli kariah tetap di masjid

1 Tetap

2 Tidak Tetap

BAHAGIAN B. SOALAN TEMUBUAL DENGAN HADIRIN(RESPONDEN)

A. Kesan Positif Ke atas Penggunaan Peralatan ICT Yang Sesuai

1. Adakah fon tulisan (bentuk) yang digunakan sesuai?

2. Adakah saiz skrin yang digunakan sesuai?

3. Adakah bentuk tulisan yang anda minati dalam tayangan slaid kuliah agama, tulisan rumi atau jawi?

4. Adakah loghat bahasa penyampai kuliah dapat difahami dengan jelas?

B Kesan Terhadap Pancaindera Dan Minat

1. Adakah anda lebih berminat kepada kuliah agama yang menggunakan ICT ?
Mengapa?

2. Adakah persembahan dengan menggunakan slaid *power point* menarik dan dapat mengelak rasa bosan

3. Adakah penggunaan *ICT* dapat mengelakkan rasa mengantuk?, mengapa?

C .Keberkesanan Terhadap Pertambahan Ilmu

1. Adakah ilmu agama anda bertambah melalui kuliah yang menggunakan peralatan *ICT*?

2. Adakah peningkatan ilmu agama lebih cepat berlaku jika dibanding dengan cara belajar

. konvensional (cara lama)?

3. Adakah anda dapat mengingat sesuatu ilmu yang disampaikan oleh ustaz lebih lama.?

D. Kesan Terhadap Aqidah , Syariat dan Akhlak

1. Adakah anda merasakan aqidah menjadi lebih mantap dengan memahami syahadah dan sifat dua puluh dengan lebih baik?

2. Adakah anda mengetahui dan memahami hukum syariat Islam dengan lebih luas selepas mengikuti kuliah ini ?

3. Adakah anda mengalami perubahan akhlak ke arah yang lebih baik kerana berasa lebih gerun kepada balasan Allah SWT di akhirat nanti apabila melakukan maksiat ?

. - **SOALAN TAMAT**

Lampiran B

TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA SEORANG RESPONDEN(1) LELAKI

Penemubual / Responden	Transkrip Perbualan
Penemubual	<p>“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.”</p> <p>“Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana kita diberi kekuatan dan kesempatan untuk mengadakan temu bual ini berkenaan satu kajian akademik yang bertajuk Keberkesanan Penggunaan ICT dalam kuliah Agama di beberapa buah Masjid dalam Daerah Kuala Terengganu. Terlebih dahulu saya selaku pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada saudara responden kerana dapat meluangkan masa dan sanggup memberi kerjasama untuk menjayakan temu bual ini.”</p>
Penemubual ;	<p>“Apa kabar saudara? Saya berharap saudara sudah bersedia untuk menjawab soalan-soalan yang saya akan ajukan sebentar lagi.”</p>
Responden:	<p>“Kabar baik . Alhamdulillah.” “Saudara bagaimana? Saya rasa gembira bertemu dengan saudara pada hari ini .Saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab semua soalan yang akan saudara tanya,. Jika ada mana-mana bahagian yang saya kurang jelas boleh En. tolong terangkan.?”</p>
Penemubual:	<p>“Alhamdulillah baik-baik je ! Ya, boleh ,jangan bimbang. Untuk meneruskan perbualan kita ,boleh saudara cerita sikit latarbelakang saudara ?”</p>
Responden :	<p>“Boleh.Saya baru sahaja tamat pengajian Pengajian bidang ICT Di TATIUC Terengganu Nama saya Nur Ilman umur saya baru cukup 23 tahun tahun ini 2020 muda lagi dok gitu ha haaaa?.”<ketawa></p> <p>“Belum kerja lagi tengah cari kerjalah ni .Susah jugak nak jumpa. .Takpalah buat mana yang patut dulu.”</p> <p>“Jangan risau ,setiap makhluk ada rezeki yang Allah bagi”.</p>
Penemubual :	<p>“Betullah tu, in sya Allah adalah tu.”</p>
Responden :	<p>Baik kita mulakan bisnes kita dengan soalan pertama.”</p>
Penemubual :	<p>“Peringkat pertama ni soalan yang berkaitan dengan kesan positif ke atas penggunaan peralatan ICT dalam kuliah agama.”</p> <p>“Soalan satu ,Adakah fon atau bentuk tulisan yang digunakan sesuai?</p> <p>“Ya, sesuai sebab kita boleh lihat dengan jelas apa yang dipancarkan di skrin dari jarak jauh dan dekat,”</p>
Responden :	<p>“Soalan ke dua Adakah saiz skrin yang digunakan sesuai? Memang sesuai , kita dapat baca ayat –ayat dengan mudah dan</p>

Penemubual : Responden	dapat melihat gambar atau gambarajah dengan jelas. Lebih jelas daripada di skrin TV. Asal jangan tak cukup saiz atau senget sudahlah.”
Penemubual:	“Soalan ke tiga. Apakah bentuk tulisan yang anda minati dalam tanyangan slaid kuliah agama ,tulisan rumi atau jawi?
Responden:	Kedua-duanya sekali ,kerana tulisan rumi kita baca setiap hari manakala tulisan jawi kita baca kitab-kitab lama agama disurau atau masjid.”
Penemubual:	“Soalan seterusnya (4) Adakah loghat bahasa yang digunakan oleh ustaz semasa menyampaikan kuliah dapat difahami dengan jelas?”
Responden:	“Ya!, mudah difahami kerana ustaz menggunakan loghat tempatan (loghat Terengganu) disamping loghat rasmi. Kalau guna bahasa Arab dok faham stabuk”
Penemubual:	“Sekarang kita masuk ke bahagian kedua temu bual iaitu menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan kesan ICT terhadap pancaindera dan minat.
Responden:	“Sedia? Soalan pertama Adakah anda lebih berminat kepada kuliah agama yang menggunakan peralatan ICT? Mengapa?”
Penemubual:	“Sudah sedia,! saya sangat berminat mengikuti kuliah agama yang menggunakan ICT sebab lebih menarik. Ustaz biasanya menggunakan video klip , sedutan dari youtube dan sebagainya.”
Responden:	“Soalan seterusnya, Adakah persembahan dengan menggunakan aplikasi <i>power point</i> menarik dan dapat mengelakkan rasa bosan ?”
Penemubual:	‘Betul, menarik ! , sebab melalui aplikasi <i>power point</i> ustaz boleh selit video klip, gambar ,rajah dan sedutan dari youtube, jadi tidak bosanlah. Memang menarik daripada kita dengar ustaz cakap je sepanjang masa.”
Responden :	“Soalan seterusnya Adakah penggunaan ICT dapat mengelakkan rasa mengantuk ?Mengapa?”
Penemubual :	“Betul sangatlah tu , sebab bahan-bahan pengajaran hidup dan berwarna warni yang boleh merangsang penglihatan kita dan jadi dok ngatuk ah.”
Responden:	“Sekarang kita dah sampai ke bahagian keberkesanan terhadap penambahan ilmu.
Penemubual :	Soalannya “Adakah ilmu agama anda bertambah luas setelah mengikuti kuliah yang menggunakan ICT?”
	“Ya! saya rasa ilmu agama saya semakin luas kerana apa yang

	ustaz ajar dengan menggunakan ICT saya mudah faham”
Responden:	“ Soalan seterusnya Adakah peningkatan ilmu agama lebih cepat berlaku berbanding dengan belajar secara konvensional (cara lama)?”
Penemubual :	“Memanglah ,kerana apa yang ustaz ajar saya mudah faham dan tidak mengantuk. Bukan macam dulu duduk dengar dua tiga minit terus keroh, keroh! sedar -sedar kuliah habis doh.”
Responden :	“Oh gitu deh! Soalan berikutnya berkaitan dengan kesan penggunaan ICT dalam kuliah agama terhadap akidah, syariah dan akhlak..
Penemubual :	Soalannya , “Adakah anda berasa akidah menjadi lebih mantap dengan memahami dua kalimah syahadah .Dan sifat dua puluh sebagai contohnya, yang merupakan dasar akidah seseorang muslim?”
Responden :	“Ye ! saya rasa akidah saya lebih kemas, selepas saya faham dengan lebih jelas tafsiran dua kalimah syahadah dan sifat dua puluh Allah swt.Tambahan pulak ustaz tayang video klip kaum yang terjebak dengan ajaran sesat. Nauzu billahi min zaalik!”
Penemubual:	“Amiin!. Sungguh ! macam- macam ajaran dan fahaman yang timbul sekarang ni .Kita kena sentiasa berwaspada terutama sekali tentang anak-anak kita. Soalan seterusnya, Adakah anda memahami hukum syariat Islam dengan lebih luas selepas mengikuti kuliah agama dengan menggunakan ICT? “
Responden :	“Memang begitulah Encik. Selama ini kita tahu secara sipi- sipi gitu je..Yang menariknya undang-undang jalan raya sebenarnya - termasuk dalam ilmu syariat Islam jugak .Ustaz kata setiap peraturan yang menjaga atau mengawal keselamatan manusia dan makhluk lain termasuk dalam syariat Islam.Langgar peraturan jalan raya yang boleh menyebabkan kemalangan berdosa kerana boleh mencampakkan diri kita ke dalam kebinasaan. Sebagaimana mafhum larangan Allah SWT di dalam al Quran “Jangan campak diri kamu ke dalam kebinasaan” . Tu ramai yang dok tahu. Ya tak?”
Penemubual :	“Betul sungguh!.Soalan terakhir sekali , Adakah anda mengalami perubahan ke arah akhlak yang lebih baik kerana berasa gerun kepada azab Allah SWT ke atas pelaku maksiat di akhirat nanti.?”
Responden :	“Saya berasa gerun sungguh kepada azab Allah swt yang menimpa ke atas pelaku maksiat dan orang yang dosa di akhirat nanti(termasuklah azab kubur)Tambahan pula ustaz menayang video klip yang menggambarkan bagaimana orang yang berdosa di azab di alam kubur dan neraka. Nauzubillzhi min zaalik! . Bagi

Penemubual	diri saya banyak dah perkara-perkara yang tak patut dilakukan saya tinggal dan bertaubat .Dok nok ulang doh kerana azab Allah amat pedih takdok tolok bandingnya.”
